05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KAJIAN KEARIFAN PERUBATAN TRADISIONAL DALAM PERIBAHASA TAMIL BERDASARKAN TEKS PAḶAMOḶI AKARĀTI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PARAMESWARY A/P SANGKARAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KAJIAN KEARIFAN PERUBATAN TRADISIONAL DALAM PERIBAHASA TAMIL BERDASARKAN TEKS PAḶAMOḶI AKARĀTI

PARAMESWARY A/P SANGKARAN

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (KESUSASTERAAN TAMIL)

(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sila tanda (v)
Kertas projek
Sarjana penyelidikan
Sarjana penyelidikan dan kerja kursus
Doktor falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **23 SEPTEMBER 2020**

i. Perakuan pelajar :

Saya, **PARAMESWARY A/P SANGKARAN (M20171000694)** dari **FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI** dengan ini mengaku bahawa disertasi / tesis yang bertajuk **KAJIAN KEARIFAN PERUBATAN TRADISIONAL DALAM PERIBAHASA TAMIL BERDASARKAN TEKS PALAMOLI AKARĀTI** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

_____

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **Dr. MANONMANI DEVI A/P M.A.R ANNAMALAI** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **KAJIAN KEARIFAN PERUBATAN TRADISIONAL DALAM PERIBAHASA TAMIL BERDASARKAN TEKS PALAMOLI AKARĀTI** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian /sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA SASTERA.**

_____ _____

Tarikh Tandatangan Penyelia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title*: KAJIAN KEARIFAN PERUBATAN TRADISIONAL DALAM PERIBAHASA TAMIL BERDASARKAN TEKS PALAMOLI AKARATI

No. Matrik /*Matric No.*: M20171000694

Saya / *I* : PARAMESWARY A/P SANGKARAN

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah */ Please tick (√) from the categories below:-*

☐ **SULIT/*CONFIDENTIAL***	Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
☐ **TERHAD/*RESTRICTED***	Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*
☐ **TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***	

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh:

(Tandatangan Penyelia / *Signature Supervisor*)

& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaandengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

திருச்சிற்றம்பலம்
(திருமந்திரம்)

என்னை நன்றாக இறைவன் படைத்தனன்
தன்னை நன்றாகத் தமிழ்ச் செய்யுமாறே

குறிப்பறிந் தேன்உடலோடுயிர் கூடிச்
செறிப்பறிந் தேன்மிகு தேவர் பிரானை
மறிப்பறி யாதுவந் துள்ளம் புகுந்தான்
கறிப்பறி யாமிகுங் கல்விகற் றேனே.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Saya mengambil kesempatan ini untuk memanjatkan kesyukuran saya kepada Tuhan kerana telah memberikan saya kesempatan, kekuatan serta ketabahan untuk menyempurnakan kajian ini dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih turut saya rakamkan kepada penyelia saya, Dr. Manonmani Devi M.A.R Annamalai yang telah membimbing dan menyumbang buah fikiran bernas secara berterusan dengan penuh perhatian dan kesabaran. Bimbingan dan tunjuk ajar yang berharga ini telah membantu saya untuk menyiapkan penyelidikan ini dengan sempurna.

Terima kasih diucapkan kepada semua pensyarah-pensyarah daripada Unit Bahasa Tamil UPSI serta pegawai-pegawai daripada Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), Institut Pengajian Siswazah (IPS) Universiti Pendidikan Sultan Idris serta pensyarah dari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Universiti Sains Malaysia iaitu, Dr. Saravanan P. Veeramuthu yang turut membantu dalam menyiapkan penyelidikan saya. Tidak ketinggalan juga Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai penaja pengajian ini di bawah program Hadiah Latihan Persekutuan.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak perpustakaan dalam dan luar negara yang telah memberi ruang dan kerjasama semasa mencari bahan kajian serta membuat rujukan dalam menyiapkan penyelidikan saya.

Terima kasih yang tidak terhingga turut di ucapkan kepada ibu yang amat dikasihi, Pn. Kaliyammal Karpunan kerana sentiasa mendoakan kebahagiaan anakanda. serta bapa saya, iaitu mendiang En. Sangkaran Veerapan yang inginkan anaknya maju dalam bidang pendidikan. Jutaan terima kasih kepada suami tersayang En. P. Ravi Chandaran Periasamy yang sanggup mengorbankan masa dan tenaga serta memberi sokongan moral dan memahami saya sepanjang proses menyiapkan penyelidikan ini. Tidak ketinggalan juga tiga orang cahaya mata iaitu, Mugillavan P. Ravi Chandaran, Khayallvili P. Ravi Chandaran dan Theniilavan P. Ravi Chandaran yang sentiasa bersama ketika sakit dan sihat serta menjadi penyokong setia untuk melengkapkan kajian saya.

Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada kesemua adik beradik saya bersama keluarga mereka yang sentiasa prihatin terhadap kemajuan saya. Tidak ketinggalan juga rakan-rakan saya yang sentiasa berganding bahu untuk menyiapkan penyelidikan ini. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua rakan-rakan seperjuangan saya, Guru Besar, guru-guru dan kerani dari SJKT Ladang Kota Bahroe, Gopeng serta SJKT West Country (Timur) Kajang yang sentiasa membantu dan menyokong secara langsung dan tidak langsung bagi menyempurnakan penyelidikan saya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti kearifan perubatan tradisional dalam peribahasa Tamil berdasarkan teks Pa̲lamo̲li Akarāti oleh Anavarathanayakam Pillai. Teks ini dipilih kerana ia merupakan teks koleksi peribahasa yang lengkap yang mengandungi 10,760 peribahasa. Kearifan perubatan tradisional dalam peribahasa merujuk kepada pengetahuan perubatan tradisional yang diintegrasi ke dalam peribahasa. Teori relevan oleh Sperber dan Wilson digunakan dalam kajian ini untuk menerangkan kerelevanan perubatan tradisional yang muncul dalam peribahasa Tamil. Teori ini terdiri daripada tiga gagasan utama, iaitu konteks, kesan konteks dan kos memproses. Mengikut teori tersebut, aspek konteks melihat kepada penentuan kandungan atau erti peribahasa berunsur perubatan. Kesan konteks pula menghuraikan proses pemahaman maklumat sesuatu ujaran peribahasa Tamil. Manakala kos memproses pula melihat sejauhmana proses mencakna maklumat memudahkan pengguna memahami sesuatu peribahasa. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara deskriptif berdasarkan analisis teks peribahasa Tamil. Data kajian ini dikumpul melalui analisis dokumen, iaitu teks Pa̲lamo̲li Akarāti. Dapatan kajian dianalisis secara tematik, dan menunjukkan bahawa terdapat 51 peribahasa Tamil berunsur perubatan dalam teks Pa̲lamo̲li Akarāti. Dapatan kajian juga mendapati terdapat enam tema perubatan tradisional yang dikenal pasti daripada teks peribahasa Pa̲lamo̲li Akarāti, iaitu pengajaran atau pedoman hidup, jenis ubat, kesihatan diri, penyakit, psikologi dan pembedahan. Berdasarkan analisis teks didapati bahawa kearifan perubatan tradisional masyarakat Tamil adalah berasaskan kepada konsep, idea, teguran, nasihat, pengajaran dan pengalaman hidup masyarakat Tamil. Kesimpulannya, dapatan utama kajian menunjukkan bahawa pengetahuan kearifan perubatan tradisional yang dirakamkan dalam peribahasa Tamil berfungsi sebagai pedoman kepada masyarakat Tamil dalam mengadaptasi persekitaran, memilih makanan, mengamalkan pemakanan yang baik serta menguruskan kesihatan demi kesejahteraan hidup. Implikasinya, peribahasa Tamil dapat dijadikan pedoman dan sumber rujukan terutamanya kepada masyarakat Tamil dalam konteks kearifan perubatan tradisional demi mencapai kesejahteraan hidup.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

A STUDY ON THE WISDOM OF TRADITIONAL MEDICINE IN TAMIL PROVERBS BASED ON THE TEXT OF PAḶAMOḶI AKARĀTI

ABSTRACT

The purpose of this study was to identify the wisdom of traditional medicine in Tamil proverbs based on the text of Paḻamoḻi Akarāti by Anavarathanayakam Pillai. This text was selected because it is a complete proverbial collection containing 10,760 proverbs. The wisdom of traditional medicine in proverbs refers to the knowledge of traditional medicine that is integrated in the proverbs. Relevant theory by Sperber and Wilson was used in this study to explain the relevance of traditional medicine that emerges in Tamil proverbs. This theory consists of three main ideas, namely context, contextual effect and processing cost. According to the theory, the aspect of context looks at the determination of the content or meaning of medical proverbs. The contextual effect describes the process of understanding the medical information of a Tamil proverb. While the cost of processing determines the extent to which the process of obtaining meaning facilitates a person to understand a proverb. This study used a descriptive qualitative approach based on text analysis of the Tamil proverbs. The data of this study were collected through document analysis, namely the text of Paḻamoḻi Akarāti. The findings of the study were analyzed thematically, and showed that there were 51 medical Tamil proverbs in the text of Paḻamoḻi Akarāti. The findings of the study also found that there were six themes of traditional medicine identified from proverbial text of Paḻamoḻi Akarāti, namely the teaching or guideline of life, the type of medicine, personal health, disease, psychology and surgery. Based on the text analysis, it was found that the traditional medical wisdom of the Tamil community is based on the concepts, ideas, reprimands, advice, teaching and life experiences of the Tamil community. In conclusion, the main finding of the study showed that the knowledge of traditional medical wisdom recorded in Tamil proverbs serves as a guide to the Tamil community in adapting the environment, selecting the foods, consuming good nutrition and managing health for well-being. The implication is that Tamil proverbs can be used as a guide and

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

source of reference, especially to the Tamil community in context of traditional medical wisdom in order to achieve well-being.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
TRANSLITERASI	xvii

BAB 1 PENGENALAN

1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	3
1.2 Pernyataan Masalah	14
1.3 Objektif Kajian	18
1.4 Soalan Kajian	19
1.5 Kepentingan Kajian	19
1.6 Batasan Kajian	21

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Sumber Kajian 22

1.8 Definisi Operasional 23

1.8.1 Definisi Kearifan 23

1.8.2 Definisi Perubatan Tradisional 23

1.8.3 Definisi Peribahasa Tamil 24

1.9 Kesimpulan 25

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.0 Pendahuluan 27

2.1 Tinjauan Kajian Terdahulu 28

2.1.1 Kajian Peribahasa 30

2.1.2 Kajian Perubatan Tradisional 44

2.1.3 Kajian Umum 51

2.2 Kesimpulan 55

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan 57

3.1 Reka Bentuk Kajian 58

3.1.1 Kerangka Kajian 60

3.2 Kaedah Kajian 61

3.2.1 Kaedah Kajian Analisis Teks 61

3.2.2 Kaedah Kajian Kepustakaan 62

3.3 Bahan Kajian 63

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.1 Bahagian A : Latar Belakang Responden 64

3.3.2 Bahagian B : Jadual Penetapan dan Pengesahan Peribahasa 64

3.4 Kaedah Pengumpulan Data 64

3.4.1 Pembacaan Dan Penelitian Bahan Kajian 66

3.4.2 Pemilihan Data Kajian – Peribahasa Berunsur Perubatan 66

3.4.3 Mencari Makna Bahan Kajian 71

3.4.4 Menyusun Dan Mengkategorikan Bahan Kajian 71

3.4.5 Senarai Peribahasa Kajian Keseluruhan 72

3.4.6 Membuat Rumusan 80

3.5 Teori Kajian 80

3.6 Teori Relevan 82

3.7 Gagasan Utama 84

3.7.1 Konteks 84

3.7.2 Kesan Konteks 85

3.7.3 Kos Memproses 86

3.8 Sub Gagasan 86

3.8.1 Pengayaan 87

3.8.2 Pemilihan Rujukan 87

3.8.3 Penginterprestasian Makna 88

3.9 Kerangka Teori 89

3.10 Kesimpulan 90

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.0 Pendahuluan 91

4.1 Penetapan Bidang Untuk Kajian Semasa 92

4.2 Senarai Peribahasa Tamil dan Aspek Berdasarkan Bidang Kajian 93

4.2.1 Aspek Pengajaran atau Pedoman Hidup 94

4.2.2 Aspek Jenis Ubat 98

4.2.3 Aspek Kesihatan Diri 103

4.2.4 Aspek Penyakit 106

4.2.5 Aspek Psikologi 108

4.2.6 Aspek Pembedahan 109

4.3 Perbincangan Peribahasa Tamil Berdasarkan Kearifan PerubatanTradisional 111

4.3.1 Peribahasa Tamil Berunsur Perubatan Tradisional Daripada Aspek Pengajaran atau Pedoman Hidup 111

4.3.1.1 Pemakanan Seimbang 113

4.3.1.2 Kuantiti 116

4.3.1.3 Bahan Masakan 120

4.3.1.4 Nafsu dan Makanan 124

4.3.1.5 Komposisi Makanan 131

4.3.1.6 Cara Pemakanan 134

4.3.1.7 Makanan Sebagai Penawar 139

4.3.1.8 Herba Dalam Makanan 149

4.3.1.9 Perkumuhan dan Kesihatan 153

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1.10 Pengamal Perubatan 158

4.3.1.11 Makanan dan Bayi 162

4.3.1.12 Rumusan 167

4.3.1.13 Analisis Kepenggunaan Peribahasa Berdasarkan Kandungan 167

4.3.2 Perbincangan Peribahasa Tamil Berunsur Perubatan Tradisional daripada Aspek Jenis Ubat 170

4.3.2.1 Rumusan 204

4.3.2.2 Analisis Kepenggunaan Peribahasa Berdasarkan Kandungan 204

4.3.3 Perbincangan Peribahasa Tamil Berunsur Perubatan Tradisional daripada Aspek Kesihatan Diri 206

4.3.3.1 Herba 208

4.3.3.2 Rumusan 234

4.3.3.3 Analisis Kepenggunaan Peribahasa Berdasarkan Kandungan 234

4.3.4 Perbincangan Peribahasa Tamil Berunsur Perubatan Tradisional daripada Aspek Jenis Penyakit 236

4.3.4.1 Rumusan 240

4.3.4.2 Analisis Kepenggunaan Peribahasa Berdasarkan Kandungan 241

4.3.5 Perbincangan Peribahasa Tamil Berunsur Perubatan Tradisional daripada Aspek Psikologi 242

4.3.5.1 Rumusan 246

4.3.5.2 Analisis Kepenggunaan Peribahasa Berdasarka Kandungan 246

4.3.6 Perbincangan Peribahasa Tamil Berunsur Perubatan Tradisional daripada Aspek Pembedahan 247

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.6.1 Rumusan 251

4.3.6.2 Analisis Kepenggunaan Peribahasa Berdasarkan Kandungan 252

4.4 Kesimpulan 253

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pendahuluan 254

5.1 Dapatan Kajian Umum 255

5.1.1 Mengenal Pasti Aspek-aspek Perubatan Tradisional dalam Peribahasa Tamil 255

5.1.2 Menganalisis Kearifan Perubatan Tradisional Masyarakat Tamil dalam Peribahasa Tamil 261

5.2 Perbincangan 263

5.3 Cadangan Kajian Selanjutnya 266

5.3.1 Cadangan Kepada Para Remaja Malaysia 266

5.3.2 Cadangan Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia 267

5.3.3 Cadangan Kepada Para Siswa Siswi 267

5.4 Rumusan 267

RUJUKAN 269

LAMPIRAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Format Maklum Balas (Skala Thurstone)	67
3.2	Pembahagian Peribahasa Mengikut Komponen	72
4.1	Aspek-aspek Perbincangan Peribahasa Berunsur Perubatan.	93
4.2	Senarai Peribahasa Tamil daripada Aspek Pengajaran atau Pedoman Hidup	94
4.3	Senarai Peribahasa Tamil daripada Aspek Jenis Ubat	98
4.4	Senarai Peribahasa Tamil daripada Aspek Kesihatan Diri	102
4.5	Senarai Peribahasa Tamil daripada Aspek Penyakit	105
4.6	Senarai Peribahasa Tamil daripada Aspek Psikologi	107
4.7	Senarai Peribahasa Tamil daripada Aspek Pembedahan	108
4.8	Bilangan dan Peratusan Kandungan Peribahasa Aspek Pengajaran atau Pedoman Hidup	165
4.9	Keistimewaan serta kandungan sayur Po̲n̲n̲āṅkaṇṇi	196
4.10	Bilangan dan Peratusan Kandungan Peribahasa Aspek Jenis Ubat	202
4.11	Keistimewaan Serta Kandungan Sayur Muruṅkai	207
4.12	Keistimewaan serta kandungan sayur **A**akatti	209
4.13	Bilangan dan Peratusan Kandungan Peribahasa Aspek Kesihatan Diri	232
4.14	Bilangan dan Peratusan Kandungan Peribahasa Aspek Penyakit	238

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.15	Bilangan dan Peratusan Kandungan Peribahasa Aspek Psikologi	244
4.16	Bilangan dan Peratusan Kandungan Peribahasa Aspek Pembedahan	249
5.1	Aspek Utama dan Elemen Sampingan Perubatan Dalam Peribahasa	255

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
3.1	Kerangka Kajian	59
3.2	Proses Pengumpulan Data Kajian	65
3.3	Proses Triangulasi	70
3.4	Kerangka Teori	89
4.1	Carta Pai Peratusan Kandungan Peribahasa Tamil daripada Aspek Pengajaran atau Pedoman Hidup	166
4.2	Carta Pai Peratusan Kandungan Peribahasa Tamil daripada Aspek Jenis Ubat	203
4.3	Carta Pai Peratusan Kandungan Peribahasa Tamil daripada Aspek Kesihatan Diri	232

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TRANSLITERASI

Penggunaan transkripsi nama-nama dan istilah-istilah Tamil melalui transliterasi Bahasa Melayu adalah berdasarkan kepada system transliterasi yang digunakan dalam Tamil Paranar. Berikut adalah dasar kepada transliterasi huruf-huruf Bahasa Tamil :-

உயிரெழுத்துகள் / Huruf-huruf Vokal

அ - a	ஈ - Ī	எ - e	ஒ - o
ஆ - ā	உ - u	ஏ - ē	ஓ - Ō
இ - i	ஊ - ū	ஐ - ai	ஔ - au

மெய்யெழுத்துகள் / Huruf-huruf Konsonan

க் - K	ங் - Ṅ	ய் - Y	ன் - N̲
ச் - c	ஞ் - ñ	ர் - r	ற் - r̲
ட் - ṭ	ண் - ṇ	ல் - l	ள் - l̤
த் - t	ந் - n	வ் - v	ஃ - ḥ
ப் - p	ம் - m	ழ் - l̲	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.0 Pendahuluan

Pembangunan yang pesat tanpa kawalan telah menyebabkan masyarakat zaman sekarang menghadapi pelbagai cabaran hidup di seluruh pelosok dunia. Manusia kini mengejar kemajuan yang berupa kebendaan tanpa menghiraukan kesihatan diri serta nilai-nilai moral. Tidak semua kemajuan membawa kebaikan kepada manusia malahan ada juga pencapaian yang boleh mendorong manusia terjerumus dengan pelbagai masalah sosial.

Masyarakat Tamil boleh dikategorikan kepada dua golongan utama iaitu golongan cerdik pandai dan golongan rakyat jelata yang tidak berpendidikan. Pengetahuan yang sedia ada dalam kalangan golongan kedua ini adalah sangat cetek, maka kita memerlukan satu alat untuk membantu memberi kesedaran kepada mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan cara yang lebih mudah dan berkesan. Oleh yang demikian pengkaji telah membuat keputusan untuk memilih peribahasa yang mengandungi unsur-unsur etika hidup sihat atau lebih jelas lagi menekankan unsur-unsur perubatan, sebagai alat kajian untuk memberi kesedaran kepada golongan masyarakat moden.

Melalui buku berjudul பழமொழி வழங்கும் பல்துறைச் சிந்தனைகள் *Paḻamoḻi vaḻaṅkum palturaic cintaṉaikaḷ,* (2017) mengatakan bahawa:

> பாமர மக்கள் தங்கள் பட்டறிவின் கூர்மையில், தங்கள் அனுபவங்களை, கண்டறிந்த உண்மைகளை, நெறிகளை அவ்வப்போது, காலங்காலமாக வழங்கி வருகின்றனர். அவைகளே பழமொழிகள் என்று நம்மால் அழைக்கப்படுகின்றன.
>
> *Pāmara makkaḷ taṅkaḷ paṭṭariviṉ kūrmaiyil, taṅkaḷ aṉupavaṅkaḷai, kaṇṭaṟinta uṇmaikaḷai, neṟikaḷai avvappōtu, kālaṅkālamāka vaḻaṅki varukiṉṟaṉar. Avaikaḷē paḻamoḻikaḷ eṉṟu nam'māl aḻaikkappaṭukiṉṟaṉa.*

(Mancai Vasanthan, 2017:5)

Yang membawa maksud, peribahasa ialah kebenaran hidup yang sebenarnya lahir dari hasil pengalaman dan pengamatan hidup yang mendalam serta tercetus daripada masyarakat umum yang berpengalaman.

Maka penggunaan peribahasa adalah lumrah dalam hidup seharian sejak zaman-berzaman. Cuma penggunaannya perlu dijelaskan secara lebih terperinci oleh pengkaji supaya masyarakat dapat faham serta sedar akan kepentingan peribahasa dalam hidup mereka terutamanya dalam bidang perubatan. Menurut *Kamus Dewan* edisi keempat (2015:1185) mentakrifkan peribahasa sebagai “ayat atau kelompok kata yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu, bidal, pepatah".

1.1 Latar Belakang Kajian

Pemikiran masyarakat Tamil boleh dilihat melalui bahasa. Bahasa boleh dikategorikan sebagai alat komunikasi antara seorang individu dengan individu lain. Menurut *Kamus Dewan* edisi keempat (2015:106).

> Bahasa merupakan satu sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia.

Fakta ini membuktikan bahawa bahasa sebagai satu alat komunikasi yang berkesan kepada semua golongan masyarakat. Bahasa sememangnya terbahagi kepada dua bentuk utama iaitu bahasa berbentuk tulisan dan bahasa berbentuk lisan. Bahasa bentuk lisan mendapat keutamaan dalam kalangan masyarakat zaman dahulu kerana ramai daripada mereka tidak berpendidikan. Mereka tidak pandai menulis dan membaca. Keadaan ini tidak bermaksud bahawa mereka dianggap golongan kurang arif tetapi kebijaksanaan dan kebolehan mereka lebih terserlah dalam bidang sastera lisan dan memiliki kearifan yang mendalam tentang selok-belok hidup.

Peribahasa ialah satu dokumen atau ilmu yang sangat penting yang telah dihayati dan difahami secara mendalam oleh masyarakat Tamil sebelum zaman Tolkappiyar. Dokumen ini kemudiannya telah diperturunkan kepada masyarakat zaman moden. Seterusnya para sarjana dan karya-karya Tamil yang lain turut memukakan beberapa definisi tentang peribahasa. பழமொழி (Pa̲lamo̲li) ialah perkataan bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tamil bagi perkataan peribahasa dalam bahasa Melayu. Menurut சௌந்தர பாண்டியன் (Sauntara Pantiyan) (1988:11), istilah பழமொழி (Pa̲lamo̲li) terbentuk daripada gabungan dua perkataan iaitu *பழம்* (Pa̲lam) dan *மொழி* (mo̲li). Perkataan Pa̲lam bermaksud *'*lama atau yang matang*'* sedangkan perkataan mo̲li pula bermaksud *'*bahasa'. Jadi perkataan *பழமொழி* (Pa̲lamo̲li) diertikan sebagai 'bahasa yang lama' தொன்மையான மொழி (To̲nmaiyā̲na mo̲li) atau 'bahasa yang matang' முதிர்ந்த மொழி (Mutirnta mo̲li).

Namun demikian segelintir masyarakat zaman moden terutamanya masyarakat Tamil menganggap peribahasa sebagai satu bahasa yang lama dan tidak sesuai untuk diguna pakai pada zaman sekarang. Masyarakat Tamil tidak memahami maksud sebenar yang dikatakan sebagai 'bahasa yang matang'. Masyarakat Tamil juga tidak sedar akan kepentingan dan manfaat yang boleh diperoleh melalui peribahasa Tamil. Malahan masyarakat Tamil juga tidak mengerti bahawa peribahasa sebenarnya satu ungkapan yang sangat kaya dengan pengajaran yang relevan dan sesuai untuk digunapakai pada bila-bila masa dan oleh mana-mana pihak tanpa mengira umur dan pengalaman penggunanya.

Peribahasa dikatakan sebagai sesuatu yang amat unik kerana dengan satu atau dua ayat yang pendek, penggunanya dapat menyampaikan maksud dengan jelas, padat dan berkesan kepada seseorang. Berkenaan peribahasa, Pendeta Za'ba (1965) turut berpendapat bahawa,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Peribahasa itu ialah segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai semenjak beberapa lama oleh sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya, dipakai akan dia jadi sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan dan pengajaran.
>
> (Za'ba, 1965:165)

Selain itu makna peribahasa yang padat dengan pengajaran dan panduan hidup juga menarik didengar, mempunyai daya tarikan tersendiri. Intipati peribahasa menyerlahkan pelbagai rencah kehidupan manusia jika diamati secara mendalam. Justeru itu, falsafah atau pemikiran orang Tamil digabungkan melalui bahasa yang disusun indah yang mempunyai pengertian yang sangat bermakna serta pengalaman dan panduan hidup bermasyarakat tanpa mengira zaman. Menurut Alwi Salim (1983) pula berpendapat,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Makna peribahasa bukan sahaja sekumpulan perkataan yang padat tetapi sedap pula didengar telinga. Ciri akhir ini melayakkan peribahasa, bidalan, pepatah dan perumpamaan. dalam mengucapkannya. Bentuk-bentuk ini mempunyai satu cara yang tersendiri; berprosodi, sepenggal-sepenggal dan berirama.
>
> (Alwi Salim, 1983:19)

Selain itu, Menurut Abdullah Hussain dalam *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* (1989) pula menjelaskan bahawa peribahasa sememangnya dianggap satu alat atau ungkapan yang tua serta digunakan untuk memberi tunjuk ajar kepada generasi muda sejak dahulu lagi.

> peribahasa itu sama tuanya dengan bahasa sesuatu bangsa dan Peribahasa mula-mula digunakan apabila bangsa manusia mulai mengenal peradaban ketika oranisasi kehidupan perlu diatur, batas antara yang baik dengan yang buruk perlu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> diadakan, untuk menjadi pendinding tatatertib pergaulan dan perhubungan hidup sesame manusia.
>
> (Abdullah Hussain, 1989 : iii)

Manakala *The World Book Encyclopedia* (2001) pula mendefinisikan peribahasa seperti berikut:

> *....is a brief saying that presents a truth or some bit of useful wisdom. It is usually based on common sense orpractical experience. ...True proverbs are sayings that have been passed from generation to generation primarily by word of mouth. They may also have been put into written form.*
>
> (Paul Kobasa, 2001:839)

Menurut definisi ini, peribahasa merupakan satu ungkapan pendek yang mengutarakan kebenaran dan menyampaikan kata-kata hikmah yang berguna kepada masyarakat. Pada amnya, peribahasa terbentuk berdasarkan pengetahuan umum dan pengalaman hidup yang praktikal. Pada asalnya peribahasa diperturunkan dari generasi ke generasi secara tradisi lisan dan kemudiannya ditulis dalam bentuk cetakan seperti yang dapat di lihat hari ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendapat yang sama dikemukakan oleh seorang lagi sarjana barat yang bernama Wolfgane Mieder (1993). Tambah beliau, ayat pendek yang diketahui umum itu mengandungi ciri-ciri seperti kearifan, kebenaran, moral, pandangan metafora dan bentuknya mudah untuk dihafal. Hal ini ditengahkan oleh beliau seperti berikut:

> *A proverb is a short, generally known sentence of the folk which contains wisdom, truth, morals and traditional views in a metaphorical, fixed and memorizable form and which is handed down from generation to generation.*
>
> (Wolfgane Mieder, 1993:5)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala, Archer Taylor, (1962) pula berpendapat bahawa adalah sukar untuk menentukan definisi bagi peribahasa. Namun demikian beliau berpendapat bahawa, peribahasa yang berbentuk ringkas, jelas dan jitu adalah berasal dari lambang, metafora dan daripada cerita khayalan.

> *Proverbs are invented in several ways: some are simple apothegms and platitudes elevated to proverbial dignity, other arise from the symbolic or metaphoric use of an incident, still others imitate already existing proverbs and some owe their existence to the condensing of a story or fable.*
>
> (Archer Taylor, 1962:1)

Selain pandangan penulis Barat, para sarjana Tamil juga ada memberikan pendapat berkenaan peribahasa Tamil. Menurut pendeta Tolkappiyar தொல்காப்பியர் yang dipercayai hidup sekitar tahun 711 SM (Perdebatan tentang tahun Tolkappiyar hidup telah mendapat ketetapan daripada செம்மொழி தமிழாய்வு மத்திய நிறுவனம், (Semmoli Tamilayvu Mattiya Niruvanam, 2017), menyatakan tentang kewujudan peribahasa Tamil. Pada awalnya, istilah yang digunakan ialah முதுமொழி (Muthumoli) Ini terbukti melalui petikan berikut daripada buku தொல்காப்பியம் *Tolkaappiyam* (2009).

> *“நுன்மையும் சுருக்கமும் ஒளியும் உடைமையும் மென்மை என்றிவை விளங்கத் தோன்றிக் குறித்த பொருளை முடித்தற்கு வரஉம் ஏது நுதலிய முதுமொழி”,*
>
> *Nuṇmaiyum curukkamum oḷiyum uṭaimaiyum meṉmai eṉṟivai viḷaṅkat tōṉṟik kuṟitta poruḷai muṭittaṟku varū'um ētu nutaliya mutumoḻi ,*
>
> (Puliyur kesikan, 2009:448)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Puisi ini membawa maksud,

Ada pepatah menyatakan tentang kewujudan kearifan peribahasa yang memiliki ciri-ciri bahasa yang lembut halus dan ringkas serta menyinari khazanah yang ternilai.

Didapati, peribahasa juga dikenali sebagai sastera rakyat. Pada awalnya peribahasa dituturkan dalam perbualan seharian dan diperturunkan dari generasi ke generasi melalui bentuk lisan. Kemudian khazanah ini dicatat dalam bentuk tulisan. Tambahan pula, peribahasa juga melambangkan ilmu pengetahuan, perubatan, budaya, sejarah sosial, tingkah laku, kepercayaan dan sikap masyarakat Tamil lama.

Menurut *Kamus Peribahasa* (2016:iv), untuk memahami makna peribahasa yang kebiasaannya menggunakan bahasa kiasan, seseorang perlu menyelami maksud tersiratnya. Peribahasa membantu mengindahkan pertuturan serta memberi kesan yang mendalam kepada pendengarnya. Selain itu, peribahasa juga menjadi lambang kekayaan seni bahasa sesebuah masyarakat dari segi kebudayaan, pemikiran dan falsafah hidup. Peribahasa Tamil juga mempunyai hubungan yang rapat dengan kehidupan dan pemikiran bangsa Tamil. Sememangnya peribahasa Tamil memiliki ciri-ciri gaya bahasa yang halus dan mudah difahami kerana orang-orang tua ingin menyampaikan mesej-mesej penting kepada generasi muda tanpa menyinggung perasaan si pendengarnya. Pendek kata, peribahaasa Tamil menjadi jambatan antara golongan tua dengan golongan muda pada zaman dahulu kala, terutamanya untuk memberi khidmat nasihat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kandungan peribahasa Tamil pula merangkumi beberapa bidang seperti, bidang seni, bidang pendidikan, bidang pemakanan, bidang perubatan dan sebagainya. Didapati bidang perubatan adalah salah satu bidang yang mendapat perhatian kerana keperluannya amat penting kepada masyarakat Tamil zaman dahulu. Unsur-unsur berkenaan pengetahuan perubatan tradisional yang cukup padat dan memberi manfaat kepada masyarakat Tamil, disampaikan melalui peribahasa. Pengetahuan perubatan yang terkandung dalam peribahasa Tamil masih mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Tamil kini. Contoh peribahasa yang kerap digunakan ialah, "அளவுக்கு மிஞ்சினால் அமிர்தமும் நஞ்சு" *alavukku minjinaal amirthamum nanju. (Anavarathanayakam Pillai***,** 1998:29) yang membawa maksud semua makanan adalah baik jika dimakan dalam kuantiti yang betul, jika berlebihan makanan tersebut akan menjadi racun**.** Maksud peribahasa Tamil ini ada kaitan dengan unsur perubatan yang kerap diguna pakai oleh masyarakat Tamil sehingga kini. Ciri-ciri perubatan yang terkandung dalam peribahasa Tamil boleh dipecahkan kepada beberapa subtopik iaitu kuantiti makanan, khasiat, zat makanan, waktu makan dan sebagainya.

Segala kelebihan dan keunikan masyarakat Tamil zaman dahulu, terbukti melalui peribahasa tempatan. Masyarakat Tamil zaman dahulu hidup sejahtera kerana mereka mengikuti segala pengajaran yang disebut dalam peribahasa Tamil. Perkara ini terbukti melalui peribahasa Tamil lama yang berbunyi, பழமொழிகள் இருட்டில் வழிகாட்டும் விட்டில்கள் (Pa̲lamo̲lika̲ḷ iruṭṭil va̲likāṭṭum viṭṭilka̲ḷ, (Ragunathan, 1993:31) yang membawa maksud, Peribahasa merupakan panduan hidup sama seperti sejenis serangga yang memiliki cahaya yang membantu mencari jalan dalam gelap. Kenyataan ini membuktikan bahawa masyarakat Tamil zaman dahulu menganggap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peribahasa Tamil sebagai panduan hidup mereka. Walaupun masyarakat Tamil hidup sejak zaman Tolkappiyar namun, mereka merupakan golongan yang berpengalaman dan berpengetahuan luas.

Selain itu, kebanyakan daripada masyarakat Tamil zaman dahulu terdiri dari golongan petani. Hidup mereka dikelilingi atau lebih berpandukan unsur-unsur alam semula jadi. Pendek kata mereka lebih akrab dengan perubahan keadaan alam semesta. Terdapat banyak peribahasa Tamil berunsur pertanian membuktikan fakta ini. Contohnya, **"இஞ்சி இலாபம் மஞ்சளிலே போச்சு"** *Iñci ilāpam mañcaḷilē Pōccu* (Anavarathanayakam Pillai, 1998:59) yang membawa maksud tersiratnya ialah, keuntungan dan kerugian dalam bidang pertanian adalah lumrah. Seorang petani akan mencari jalan mengatasi masalah serta terus berusaha dengan gigih sehingga memperoleh keuntungan. Seterusnya peribahasa Tamil **"பருவத்தே பயிர் செய்"** (*Paruvattē payir cey,* Anavarathanayakam Pillai, 1998:306) yang membawa maksud, kerja-kerja pertanian harus dijalankan pada musim yang sesuai supaya mendapat hasil yang lumayan.

Selain itu, sistem pemakanan masyarakat Tamil zaman dahulu pula berasaskan hasil pertanian yang dihasilkan oleh mereka sendiri. Mereka makan makanan berupa sayur-sayuran, buah-buahan, dan hasil tenusu yang penuh berkhasiat. Selain itu, sistem pemakanan masyarakat Tamil zaman dahulu lebih kepada ulam, herba dan bijirin yang dijadikan sebagai perubatan asas bagi manusia. Peribahasa Tamil "உணவே மருந்து, மருந்தே உணவு" *Uṇavē maruntu, maruntē uṇavu*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Anavarathanayakam Pillai, 1998:77) membawa maksud, sumber makanan ialah perubatan semula jadi dan perubatan semula jadi berasaskan sumber makanan yang baik. Kenyataan ini terbukti melalui buku berjudul அஞ்சறைப் பெட்டி மருத்துவம், Añcaṟaip peṭṭi maruttuvam (2016) yang mengatakan bahawa:

> நம் முன்னோர், நம்மைப் போன்று எதற்கும் மருத்துவரை நாடாமல், அஞ்சறைப் பெட்டியிலுள்ள பொருட்களை வைத்தே தங்களுக்கு ஏற்படும் வியாதிகளை தாங்களே குணப்படுத்திக் கொண்டனர். அவர்கள் "உணவே மருந்து" என்று வாழ்ந்தனர்.
>
> *Nam muṉṉōr, nam'maip pōṉṟu etaṟkum maruttuvarai nāṭāmal, añcaṟaip peṭṭiyiluḷḷa poruṭkaḷai vaittē taṅkaḷukku ēṟpaṭum viyātikaḷai tāṅkaḷē kuṇappaṭuttik koṇṭaṉar. Avarkaḷ "uṇavē maruntu" eṉṟu vāḻntaṉar.*
>
> (Jekajoti, 2016:3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bermaksud, masyarakat pada masa itu tidak seperti umat manusia zaman kini. Mereka tidak begitu mudah mendapatkan bantuan pakar perubatan untuk mengubati penyakit. Mereka hanya bergantung kepada rawatan tradisional. Masyarakat ini juga merupakan golongan yang hidup berpegang kepada prinsip 'makanan itu adalah ubatnya sendiri.

Salah satu makanan yang mempunyai ciri-ciri perubatan ialah ரசம் (Racam) yang dikenali juga sebagai sup India dalam kalangan masyarakat Malaysia. Di dapati, hampir kesemua bahan penyediaan racam ialah rempah ratus berupa ubatan semula jadi yang boleh dilihat di setiap dapur. Bahan-bahan untuk memasak *racam* adalah seperti, lada hitam, lada putih, jintan putih, halba, biji jemuju, biji ketumbar dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Amalan pengambilan sup (*racam)* ini semasa makan oleh kaum Tamil membantu memudahkan sistem penghadaman seseorang.

Seterusnya, himpunan peribahasa Tamil yang berjudul *பழமொழி நானூறு* Paḻamoḻi nāṉūṟu (1917) merupakan satu-satunya koleksi peribahasa Tamil yang lama dan pertama dikumpulkan oleh முன்றுறை அரையனார் (Munrurai Araiyanar)**.** Karya berjudul Paḻamoḻi nāṉūṟu ini dihasilkan dalam bentuk puisi lama. Munrurai Araiyanar telah menyusun sebanyak 400 peribahasa Tamil dalam bentuk puisi klasik lama yang menyentuh pelbagai tema dan pengajaran termasuk tema perubatan tradisional. Sebilangan daripada pepatah dalam koleksi ini adalah berusia tua dan jarang digunakan dalam perbualan seharian mahupun dalam tulisan ilmiah. Oleh itu bahasa yang digunakannya sangat klasik, maka masyarakat zaman sekarang tidak dapat memahami dan menghayati maksudnya. Berikut adalah salah satu puisi daripada *பழமொழி நானூறு* (Paḻamoḻi nāṉūṟu) yang membuktikan hasil daripada pendeta முன்றுறை அரையனார் (Munrurai Araiyanar, 2010).

பிண்டியின் நீழல் பெருமான் அடிவணங்கிப்
பண்டைப் பழமொழி நானூறும்- கொண்டினிதா
முன்னுறை மன்னவன் நான்கடியும் செய்தமைத்தான்
இன்றுறை வெண்பா இவை

Piṇṭiyiṉ nīḻal perumāṉ aṭivaṇaṅkip
paṇṭaip paḻamoḻi nāṉūṟum- koṇṭiṉitā
muṉṉuṟai maṉṉavaṉ nāṉkaṭiyum ceytamaittāṉ
iṉṟuṟai veṇpā ivai

(Munrurai Araiyanar, 2010:1)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Puisi ini bermaksud, penulis yang sedang beristirehat dibawah pokok bernama அசோகமரம் (Acōka maram), nama saintifiknya Saraca Indica telah mendengar, memilih dan menyusun 400 peribahasa berbentuk puisi berangkap empat baris yang dinyanyikan oleh Dewa அருக தேவன் (Aruka tēvaṉ). Kesemua puisi tersebut mengandungi satu peribahasa serta maksudnya. Oleh yang demikian Paḻamoḻi nāṉūṟu menjadi satu karya agong yang kekal sehingga kini.

Selain itu, bukti peribahasa பழமொழி *(Paḻamoḻi)* telah lama dalam penggunaan masyarakat Tamil dahulu kala adalah, buku berjudul அகநானூறு - களிற்றியானை நிரை பாடல்கள் (Akanāṉūṟu-kaḷirriyāṉai Nirai pāṭalkaḷ, 2016). Peribahasa tersebut adalah dalam bentuk puisi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

‘பல்லோர் கூறிய பழமொழி எல்லாம்’ (அகம் 66. 5-6)

‘pallōr kūṟiya paḻamoḻi ellām’ (akam 66. 5-6)

Peribahasa adalah sesuatu yang disebut oleh umum.

(Puliyur Kesigan 2016:129)

நன்று செய் மருங்கில் தீதுஇல் என்னும்
தொன்றுபடு பழமொழி’ (அகம் 101, 2-3)

‘Naṉṟu cey maruṅkil tītu'il eṉṉum
toṉṟupaṭu paḻamoḻi’ (akam 101. 2-3)

Peribahasa meminta semua pihak berbuat
baik supaya kita dapat sesuatu yang baik.

(Puliyur Kesigan 2016:193-194)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Memandangkan peribahasa Tamil memiliki ciri-ciri seperti bahasa yang halus dan indah serta penuh bermakna secara tersirat dan tersurat, beradab serta bentuk ayat yang ringkas, padat, tepat dan mudah difahami telah mendorong pengkaji untuk memilih peribahasa Tamil sebagai satu alat kajian yang utama. Pengkaji berpendapat bahawa peribahasa boleh dijadikan sebagai satu alat yang sempurna untuk memberi didikan kepada masyarakat kini yang kurang arif tentang keunikan serta isi kandungan peribahasa Tamil dan bagi masyarakat umum yang tidak berpendidikan. Pengkaji juga ingin mencuba menerangkan tentang kearifan pengetahuan perubatan melalui peribahasa Tamil ini.

1.2 Pernyataan Masalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam era kemajuan, masyarakat Malaysia terutamanya masyarakat India yang berketurunan Tamil kini menghadapi pelbagai kepincangan hidup, terutamanya dalam aspek kesihatan. Hal ini adalah kerana mereka sentiasa mengetepikan segala amalan baik yang diamalkan sejak turun-temurun semata-mata untuk bersaing dengan kemajuan dunia.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia menyatakan bahawa hampir 80 peratus daripada populasi masyarakat India di Malaysia menghidap penyakit-penyakit kronik seperti sakit jantung (18.1 peratus) *(Yayasan Jantung Malaysia,2017),* kanser (7.3 peratus) *(Malaysian National Cancer Registry Report 2015. (2007-2011*), kencing manis (15.3 peratus) *(National Diabetes Registry Report Vol 2015. (2009-2012),* obesiti (25.6 peratus) *(Wikipedia, ensiklopedia bebas*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2015) dan sebagainya. Obesiti merupakan satu keadaan penambahan lemak yang menjadi pembuka jalan kepada penyakit-penyakit merbahaya yang disebut di atas. Penyakit-penyakit ini berleluasa akibat daripada gaya hidup serta sistem pemakanan yang tidak teratur dalam kalangan masyarakat Tamil di Malaysia.

Pendek kata, statistik menunjukkan masyarakat Tamil masa kini sememangnya telah terpesong daripada etika hidup atau pemikiran falsafah tamadun orang Tamil yang telah diamalkan oleh masyarakat Tamil yang hidup sebelum zaman Tolkaappiyam. Pada zaman dahulu, hidup masyarakat Tamil adalah berasaskan pada alam semula jadi. Mereka makan makanan yang ditanam sendiri melalui pertanian. Mereka juga makan makanan yang bersih serta berkhasiat. Mereka makan pada waktu-waktu yang telah ditetapkan sahaja. Tidaklah seperti amalan pemakanan masyarakat Tamil zaman sekarang yang tidak teratur. Di negara ini kita dapat melihat kedai-kedai makanan yang dibuka 24 jam dan dikerumuni oleh para pengguna. Tabiat pemakanan yang tidak bersistematik inilah yang menjadi punca kesihatan mereka terjejas dan punca mereka terjerumus dengan pelbagai jenis penyakit kronik.

மஞ்சை வசந்தன் (Mancai Vasantan) melalui buku berjudul *பழமொழி வழங்கும் பல்துறைச் சிந்தனைகள்* (*Paḻamoḻi vaḻaṅkum palturaic cintaṉaikaḷ,* 2017) mengatakan bahawa :

> *மனித வாழ்வில் மருத்துவம் என்பது தவிர்க்க முடியாத ஒன்று. இயற்கையாயும், சூழலாலும், செயர்பாட்டாலும் நோய்கள் வருகின்றன. நோய்கள் இன்னலைத் தரும் அல்லது இறப்பைத்தரும். எனவே, அரசன் முதல் ஆண்டிவரை அனைவருக்கும் மருத்துவம் வேண்டும்.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *இத்தகு மருத்துவம் சார்ந்து நம் பழமொழிகள் அரிய சிந்தனைகளை வழங்கியுள்ளன.*
>
> *Maṉita vāḻvil maruttuvam eṉpatu tavirkka muṭiyāta oṉṟu. Iyaṟkaiyāyum, cūḻalālum, ceyarpāṭṭālum nōykaḷ varukiṉṟaṉa. Nōykaḷ iṉṉalait tarum allatu iṟappaittarum. Eṉavē, aracaṉ mutal āṇṭivarai aṉaivarukkum maruttuvam vēṇṭum. Ittaku maruttuvam cārntu nam paḻamoḻikaḷ ariya cintaṉaikaḷai vaḻaṅkiyuḷḷaṉa.*
>
> (Mancai Vasantan, 2017:139)

Pendapat ini menegaskan bahawa, perubatan merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan manusia. Penyakit datang secara semula jadi. Penyakit boleh menyebabkan kesusahan atau kematian kepada rakyat jelata mahupun golongan raja. Oleh itu, semua orang harus mendapat kemudahan perubatan supaya dapat hidup sejahtera. Di dapati pengetahuan perubatan boleh dilihat melalui peribahasa Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kekuatan sesebuah negara banyak bergantung pada kesihatan rakyatnya. Namun demikian masyarakat pascamoden di Malaysia bersifat lebih mementingkan kejayaan dan kecemerlangan berbanding kesihatan diri sendiri. Peribahasa Tamil mengatakan bahawa *'நோயற்ற வாழ்வே குறைவற்ற செல்வம்' Nōyaṟṟa vāḻvē kuṟaivaṟṟa celvam (Anavarathanayakam Pillai, 1998:294)* yang membawa maksud, kesihatan ialah kekayaan yang hakiki. Menyedari hakikat ini maka pelbagai usaha atau strategi diambil oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan tahap kesihatan rakyat Malaysia. Sejajar dengan kenyataan ini, negara Malaysia juga tidak terlepas dengan pelbagai masalah kesihatan yang amat serius terutamanya dalam kalangan masyarakat Tamil di Malaysia yang berketurunan India.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, masyarakat Tamil di Malaysia sering dikatakan menghidap penyakit kronik seperti sakit jantung, kanser, kencing manis dan sebagainya (*The Medical Journal of Malaysia Vol 71, June 2016).* Keadaan ini berlaku kerana masyarakat Tamil kurang pengetahuan dan kesedaran tentang pentingnya penjagaan kesihatan diri. Di samping itu ibu bapa juga sibuk dengan kerjaya masing-masing sehingga tiada masa untuk memberi bimbingan tentang kesedaran kesihatan kepada anak-anak mereka *(Utusan Online ARKIB 08/03/2012).* Lantaran itu, cara pendidikan untuk menyedarkan masyarakat Tamil perlu diberi perhatian. Kajian ini cuba memanfaatkan peribahasa Tamil yang sedia wujud dalam masyarakat ini untuk menyuntik kesedaran ini. Oleh hal yang demikian kajian ini dirasakan amat perlu untuk memberi pendedahan kepada masyarakat Tamil untuk memahami konsep perubatan yang telah diwarisi daripada leluhur mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peribahasa dilihat sebagai satu hasil pemikiran para cendekiawan Tamil pada masa kini. Peribahasa Tamil seharusnya dianggap sebagai pandangan dan pengalaman hidup yang tajam serta matang daripada orang tua bukannya pengajaran yang tidak memberi sebarang manfaat kepada kita. Unsur-unsur perubatan turut diselitkan dalam peribahasa Tamil. Kelebihan peribahasa Tamil ialah bidang perubatan dapat disemai dan diselitkan secara bersahaja. Dalam konteks ini, kajian ini boleh menampung keperluan untuk memberikan maklumat kepada generasi muda berhubung dengan kelebihan peribahasa Tamil yang bertitik tolak dari pengamatan dan kearifan masyarakat Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat banyak kajian tentang peribahasa dari aspek-aspek berkenaan nilai masyarakat, masalah sosial, keagamaan, pertanian, bahasa, institusi perkahwinan dan sebagainya. Dalam konteks pengkaji tempatan juga ramai yang telah menghasilkan kajian-kajian berkenaan peribahasa yang menyentuh bidang-bidang seperti pertanian, bahasa, institusi perkahwinan, keluarga, pendidikan, warna dan sebagainya. Namun demikian di negara ini tiada seorang pengkaji pun yang menyentuh dan meneliti bidang perubatan melalui peribahasa. Sejajar dengan hakikat ini, maka kajian ini wajar dilakukan dan perlu disokong oleh semua pihak. Oleh yang demikian pengkaji bercadang untuk mengkaji elemen bidang perubatan melalui peribahasa Tamil, justeru itu secara tidak langsung pengkaji dapat mengisi kekosongan yang terdapat dalam senarai kajian yang telah dihasilkan oleh pangkaji-pengkaji tempatan. Kelompangan ini dapat diisi dengan kajian ringaks ini. Oleh yang demikian, pengkaji telah mengambil keputusan untuk mengkaji peribahasa Tamil dari aspek perubatan supaya kajian ini menjadi satu contoh kepada pengkaji lain pada masa yang akan datang. Di samping itu, kajian ini akan memberi laluan kepada generasi muda melihat peribahasa Tamil sebagai satu khazanah yang bernilai dan perlu dijaga.

1.3 Objektif Kajian

Melalui kajian ini, pengkaji berhasrat untuk mengkaji kearifan perubatan tradisional dalam peribahasa Tamil: dari perspektif teori relevan. Objektif khusus kajian ini telah digubal berdasarkan pernyataan masalah kajian. Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3.1 Mengenal pasti unsur-unsur perubatan tradisional masyarakat Tamil dalam peribahasa yang terdapat dalam buku berjudul பழமொழி அகராதி (Pa̲lamo̲li Akarāti)

1.3.2 Menganalisis kategori perubatan tradisional yang terdapat dalam peribahasa Tamil.

1.3.3 Mengupaskan kearifan perubatan tradisional masyarakat Tamil dalam peribahasa Tamil.

1.4 Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk memberi jawapan kepada beberapa soalan penyelidikan. Soalan-soalan tersebut adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4.1 Apakah unsur-unsur perubatan tradisional masyarakat Tamil yang terdapat dalam peribahasa Tamil?

1.4.2 Apakah kategori perubatan tradisional yang terdapat dalam peribahasa Tamil

1.4.3 Bagaimanakah kearifan perubatan teradisional masyarakat Tamil yang digambarkan dalam peribahasa Tamil?

1.5 Kepentingan Kajian

Masyarakat Tamil sebenarnya memiliki satu khazanah yang sangat bernilai sejak dahulu lagi, iaitu peribahasa Tamil yang mempunyai unsur perubatan. Peribahasa sememangnya membawa maksud yang mendalam secara simbolik serta ringkas dan mudah difahami oleh semua orang terutamanya bagi masyarakat yang kurang berpendidikan. Penyelesaian jangka panjang bagi satu masalah ialah kesedaran diri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam kalangan masyarakat. Maka peribahasa Tamil boleh dijadikan sebagai satu alat penyelesaian masalah kepada masyarakat zaman sekarang melalui unsur perubatan yang terdapat dalam peribahasa Tamil. Didapati segala penerangan perubatan moden menggunakan istilah saintifik yang agak rumit untuk difahami oleh orang ramai sedangkan bahasa yang digunakan dalam peribahasa Tamil berkaitan perubatan adalah bahasa yang halus dan mudah difahami oleh semua orang.

Sebagai contohnya,

நொறுங்கத் தின்றால் நூறு வயது
No̱ṟuṅkat ti̱ṉṟāl nū̱ṟu vayatu

(Anavarathanayakam Pillai, 1998:294)

Peribahasa ini membawa maksud, jika mengunyah makanan dengan betul sebelum menelan, maka kita akan berpeluang hidup sehingga berumur 100 tahun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maka tidak hairanlah mengapa unsur perubatan dalam peribahasa Tamil mendapat perhatian daripada masyarakat umum yang hidup sebelum dan selepas zaman Tolkappiyar. Justeru itu pengkaji berharap agar peribahasa Tamil boleh menjadi satu alat pendidikan untuk menyemai kesedaran dan manfaat dalam kalangan masyarakat zaman sekarang tentang masalah perubatan yang berkesan.

Selain itu, hasil sastera lisan tidak diberi keutamaan atau dilihat sebagai dokumen yang bernilai dalam kalangan masyarakat umum. Sedangkan mereka menganggap hasil sastera lama yang ditulis oleh para pendeta *(Pendeta Tolkaappiyar, (தொல்காப்பியர்))* yang hidup 2,500 tahun dahulu sebagai dokumen yang penting, tetapi peribahasa Tamil sebenarnya mengandungi unsur-unsur pengajaran yang sesuai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk kehidupan seharian. Oleh yang demikian, pengkaji berusha menggilap dan menyinarkan harta pusaka yang tak ternilai ini dan membawa kepada orang ramai serta mengangkatnya ke tahap yang lebih tinggi.

Kajian ini merupakan satu usaha untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Tamil yang beranggapan bahawa peribahasa Tamil sebagai satu pepatah yang biasa, bukannya sesuatu yang bernilai ilmiah. Pengkaji mula melangkah bersama pelbagai cabaran dan dugaan untuk menyemai kepercayaan dalam kalangan masyarakat tentang peribahasa Tamil, sememangnya mempunyai unsur ilmiah berkenaan perubatan tradisional. Kajian ini dipercayai dapat mengubah tanggapan pemikiran salah yang berleluasa dalam masyarakat Tamil dan menyuguhkankelebihan elemen-elemen perubatan yang terkandung dalam peribahasa Tamil. Dapatan kajian ini diharap menjadi suatu input yang boleh dikongsi bersama serta menjadi perintis kepada para pengkaji lain yang ingin melakukan kajian terhadap aspek perubatan dalam peribahasa Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Batasan Kajian

Kajian tentang kearifan perubatan dalam peribahasa Tamil ini mempunyai beberapa batasan. Batasan pertama ialah, kajian ini tertumpu pada buku peribahasa Tamil berjudul பழமொழி அகராதி (Paḻamoḻi Akarāti) yang disusun oleh *அனவரதநாயகம் பிள்ளை* (Anavarathanayakam Pillai, 1998). Peribahasa Tamil sememangnya merangkumi satu skop yang sangat luas. Namun, pengkaji telah menghadkan perbincangan kajian berkenaan peribahasa yang ada unsur-unsur perubatan untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tujuan kajian ini. Oleh yang demikian, Pengkaji tidak akan menilai peribahasa lain selain peribahasa berunsur perubatan yang telah dipilih oleh pengkaji.

Pemilihan peribahasa sebagai alat kajian dilakukan selepas menerima khidmat nasihat daripada beberapa pihak dari tiga bidang utama yang ada kaitan dengan kajian pengkaji. Iaitu, dua orang doktor pakar perubatan moden, dua orang doktor perubatan tradisional dan seorang lagi ialah dari golongan pendidik. Peribahasa yang dipilih adalah daripada bidang perubatan yang terkandung dalam buku *பழமொழி அகராதி* (Pa̲lamo̲li Akarāti). Selepas mendengar khidmat nasihat daripada tiga pihak ini, Pengkaji membuat keputusann untuk memilih dan mengkaji peribahasa yang dicadangkan oleh mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Sumber Kajian

Sumber primer kajian ini adalah berdasarkan peribahasa Tamil berjudul *பழமொழி அகராதி* (Pa̲lamo̲li Akarāti) yang disusun oleh *அனவரதநாயகம் பிள்ளை* (Anavarathanayakam Pillai, 1998). yang ada kaitan dengan unsur-unsur perubatan. Sumber primer juga terdiri daripada kajian lapangan yang dilakukan oleh pengkaji terhadap 5 respondan iaitu dua orang doktor pakar perubatan moden, dua orang doktor perubatan tradisioanal dan seorang lagi ialah pakar pendidik (Borang pengambilan maklum balas) Manakala, penggunaan sumber sekunder ialah berdasarkan bahan-bahan seperti bahan Disertasi, Tesis, Journal, Buku-buku rujukan berkaitan peribahasa dan perubatan tradisional. Di samping itu, kajian kepustakaan juga digunakan oleh pengkaji dalam manjalankan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Definisi Operasional

Bagi memahami dan menghayati kajian, pengkaji akan menerangkan definisi bagi perkataan dan rangkai kata penting yang digunakan dalam kajian ini. Perkataan dan rangkai kata tersebut ialah seperti berikut: kearifan, pengetahuan, perubatan, tradisional dan peribahasa Tamil.

1.8.1 Definisi Kearifan

Menurut *Kamus Dewan* edisi keempat (2015:77) kearifan bermaksud, perihal arif atau pemahaman dan pengetahuan yang luas tentang sesuatu perkara. Manakala, dalam *Webster`s New World College Dictionary* pula menerangkan Kearifan sebagai, *"The quality of being wise; power of judging rightly and following the soundest course of action, based on knowledge, experience, understanding"*. bermaksud, Kualiti kebijaksanaan; kuasa menilai dengan betul dan mengikuti tindakan yang paling kukuh, berdasarkan pengetahuan, pengalaman, pemahaman. Menurut McKenna (2005) pula takrifan berkenaan kearifan ialah kebijaksanaan seseorang boleh ditentukan mengikut pendapat individu dan apa yang mereka lihat. Walaupun pengkaji telah merujuk beberapa sumber bagi menerangkan maksud kearifan, Namun pengkaji akan merujuk *Kamus Dewan* edisi keempat (2015:77) sebagai panduan asas dalam kajian ini.

1.8.2 Definisi Perubatan Tradisional

Menurut *Kamus Dewan* edisi keempat (2015:1753, 1711) perubatan bermaksud, perihal berubat, yang berkaitan dengan ubat atau usaha mengubati Sesuatu penyakit. Manakala

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tradisional pula bermaksud, berkaitan dengan bersifat atau mengikut tradisi. Lebih jelas lagi ialah sistem perubatan yang diamalkan sejak turun-temurun berasaskan bahan-bahan semulajadi. Dalam bahasa Tamil disebut sebagai *சித்த வைத்தியம் (Citta vaittiyam).* Bagi menerangkan maksud perubatan tradisional, pengkaji hanya merujuk pada *Kamus Dewan* edisi keempat (2015:1753, 1711). Maka sepanjang kajian ini pengkaji bercadang untuk merujuk *Kamus Dewan* secara menyeluruh untuk memberi penerangan berkaitan perubatan tradisional.

1.8.3 Definisi Peribahasa Tamil

Takrifan tentang peribahasa Menurut *Kamus Dewan* edisi keempat (2015:1185) ialah, ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu, bidal, pepatah. Manakala Tamil dalam *Kamus Dewan* edisi keempat (2015:1587) ialah, bahasa kaum yang berasal daripada campuran bangsa Dravidia dan Kaukasoid yang berasal dari selatan India dan Sri Lanka. Secara ringkas, peribahasa Tamil ialah pepatah dalam bahasa Tamil.

Menurut pendeta தொல்காப்பியர் (Tolkappiyar) peribahasa Tamil ditakrifkan sebagai,

> ‘பாட்டு, உரை, நூலே, வாய்மொழி, பிசியே
> அங்கதம், முதுசொல்லோடு அவ்வேழ் நிலத்தும்
> வண்புகழ் மூவர் தண்பொழில் வரைப்பின்
> நாற்பேர் எல்லை அகத்தவர் வழங்கும்
> யாப்பின் வழியது என்மனார் புலவர்”
>
> (தொல்: 1336)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

‘Pāṭṭu, urai, nūlē, vāymoḻi, piciyē
aṅkatam, mutucollōṭu avvēḻ nilattum
vaṇpukaḻ mūvar taṇpoḻil varaippiṉ
nāṟpēr ellai akattavar vaḻaṅkum
yāppiṉ vaḻiyatu eṉmaṉār pulavar”

(Tol: 1336)

(Puliyur kesikan, 2009:435)

Puisi ini membawa maksud, Kata-kata hikmat yang terdapat dalam peribahasa Tamil boleh dilihat dalam bentuk puisi, ucapan, buku dan lisan. Segala pengajaran adalah datang daripada pengalaman hidup para cendekiawan. Didapati, dalam bahagian ini pengkaji telah merujuk dua sumber untuk mengetahui maksud peribahasa Tamil. Namun demikian pengkaji bercadang untuk merujuk *Kamus Dewan* sebagai sumber utama dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Kesimpulan

Kajian ini merupakan satu usaha awal untuk mencerminkan berkenaan kearifan perubatan dalam peribahasa Tamil kepada masyarakat zaman sekarang. Sebagai permulaaan, kajian ini meliputi beberapa subtopik dengan tujuan menerangkan secara terperinci, iaitu, pengenalan yang membincangkan berkenaan kemajuan negara yang membawa kepada masalah kesihatan. Seterusnya latar belakang kajian pula membincangkan tentang kelebihan dan keunikan masyarakat Tamil serta peribahasa Tamil. Pernyataan masalah pula ialah untuk mengenal pasti masalah kesihatan yang ketara dihadapi oleh masyarakat Tamil di negara kita. Objektif kajian ini adalah jawapan yang dijawab bagi soalan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, kepentingan kajian diberi penekanan kerana bahagian ini menunjukkan tujuan utama kenapa tajuk kajian ini dipilih. Perbincangan diteruskan dengan skop dan batasan kajian yang membincangkan tentang perkara yang ditetapkan dalam kajian ini oleh pengkaji. Selain itu perbincangan diperkembangkan dengan definisi operasioanal yang menerangkan maksud istilah yang terdapat dalam tajuk kajian ini. Akhir sekali kesimpulan bagi perbincangan menyeluruh bagi bab ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji akan meneliti dan mengemukakan kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan tajuk kajian. Didapati, tinjauan literatur ini bertujuan untuk menjelaskan secara lebih terperinci tentang kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan tajuk dan bidang kajian yang dipilih oleh pengkaji. Selain itu, pengkaji juga perlu memilih dan meneliti kajian-kajian terdahulu yang dikaji oleh beberapa pihak, iaitu, kajian oleh pengkaji tempatan dan kajian pengkaji asing. Oleh yang demikian, pengkaji telah merujuk kepada beberapa kajian lepas dari dalam dan luar negara yang boleh membantu meneruskan kajian sendiri. Dalam hal ini, pengkaji perlu melihat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada dua aspek utama bagi penyelidikan semasa. Aspek pertama ialah kajian yang melibatkan perubatan tradisional. Manakala aspek kedua pula melibatkan aspek peribahasa. Hal ini demikian kerana, skop kajian pengkaji melibatkan kedua-dua bidang ini.

2.1 Tinjauan Kajian Terdahulu

Dalam bab ini, pengkaji telah memilih beberapa kajian tentang peribahasa, kajian tentang perubatan tradisional dan kajian umum berkaitan kajian semasa yang telah dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji tempatan dan luar negara. Kajian-kajian tersebut ialah kajian yang memenuhi syarat Kedoktoran, Disertasi, Jurnal dan Prosiding berkaitan topik utama kajian semasa yang disebut di atas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bidang perubatan merupakan salah satu bidang yang dianggap penting dalam kehidupan manusia. Hal ini kerana kemajuan dunia telah mendorong manusia mengamalkan cara hidup bebas berbanding dengan etika hidup asas yang telah diamalkan oleh nenek moyang sejak turun-temurun. Manusia kini tidak mengikuti etika pemakanan yang betul, malahan mengambil makanan mengikut kehendak hati. Gejala ini membuka jalan kepada amalan pemakanan yang kurang sihat serta mudah dijangkiti pelbagai penyakit berbahaya dalam kalangan masyarakat umum. Pernyataan ini dijelaskan melalui peribahasa Tamil பசிக்கு உண், ருசிக்கு உண்ணாதே, (Pacikku uṇ, rucikku uṇṇātē,) bermaksud, masyarakat tidak harus makan makanan mengikut nafsu malah makan makanan yang perlu untuk mengisi perut kosong. Maksud yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sama ada dinyatakan oleh pendeta திருவள்ளுவர் (Tiruvaḷḷuvar) dalam kitabnya திருக்குறள் (Tirukkuṟaḷ) pada beribu-ribu tahun dahulu, iaitu kuṟaḷ yang ke 947 berbunyi,

> தீயள வன்றித் தெரியான் பெரிதுண்ணின்
> நோய்அள வின்றிப் படும்
>
> *Tīyaḷavu aṉṟit teriyāṉ peritūṇṇiṉ*
> *nōyaḷavu iṉṟip paṭum*
>
> (Kanniyappa Naicker. R, 2011:639)

Kedua-dua peribahasa dan Tirukkuṟaḷ menyatakan bahawa masyarakat harus makan makanan yang perlu sahaja dan tidak harus makan berlebihan sehingga membawa kepada masalah kesihatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala peribahasa merupakan susunan kata dari tradisi lisan yang memberi pengajaran yang mendalam kepada masyarakat. Setiap peribahasa memiliki maksud serta mesej yang kuat sehingga dapat menyusun atur corak kehidupan manusia sejagat. Peribahasa பெருங்காயம் இருந்த இடம் வாசனை போகாது (Peruṅkāyam iruṇta iṭam vācaṉai pōkātu) dari buku berjudul பழமொழியுடன் பழகுங்கள் (Paḻamoḻiyuṭaṉ paḻakuṅkaḷ oleh Palanisamy (1994:46). Menurut kamus Kriyavin Tatkala Tamil Akarathy, (Kiriyaa, 1999), perkataan Peruṅkāyam (பெருங்காயம்) merupakan istilah bahasa Tamil yang merujuk kepada sejenis bahan herba iaitu Alba (1999:767)**.** Manakala irunta iṭam (இருந்த இடம்) membawa maksud tempat berada (1999:106). Sementara itu, vācaṉai (வாசனை) membawa maksud bau (1999:916). Istilah pōkātu (போகாது) pula membawa maksud tidak akan hilang (1999:787). Secara simboliknya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peribahasa ini membawa maksud bahawa sifat dan sikap seseorang akan dikenang dan disebut selepas pemergian seseorang itu, samada perbuatan baik ataupun buruk. Oleh yang demikian masyarakat harus bersikap baik supaya dikenang sifat-sifat positif semasa hidup buat selama-lamanya.

2.2.1 Kajian Peribahasa

Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011), telah menjalankan satu kajian berkenaan peribahasa untuk memenuhi ijazah kedoktorannya di Universiti Putra Malaysia. Kajian tersebut bertajuk "Pengkategorian Peribahasa Melayu Berdasarkan aspek Nilai Dan Pemikiran : Satu Analisis Pragmatik". Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti jenis-jenis peribahasa Melayu yang menonjolkan aspek nilai dan pemikiran. Selain itu, kajian ini juga memaparkan sejauh mana peribahasa Melayu dijadikan sebagai pengajaran dan panduan hidup oleh para pengguna bahasa. Kajian ini mempunyai persamaan dalam penggunaan peribahasa sebagai data sahaja; tetapi kajian ini telah menggunakan peribahasa yang terdapat dalam bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sekar, M. (2011), pula telah menjalankan sebuah kajian berjudul "நாட்டுப்புறவியலில் பழமொழிகள்" *(Nāṭṭuppuṟaviyalil paḻamoḻikaḷ)* untuk memenuhi syarat ijazah kedoktoran di Tamil Universiti Tanjavur. Yakni, peribahasa dalam cerita rakyat. Kajian ini berfokus pada penggunaan peribahasa oleh masyarakat Tamil zaman klasik. Kajian ini mendapati bahawa unsur-unsur pengalaman orang tua, kepercayaan, kebudayaan, pengajaran dan perpaduan orang Tamil zaman klasik yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perlu dijadikan sebagai tunjuk ajar oleh generasi muda. Segala unsur yang disebut menjadi amalan turun temurun. Aspek pengalaman tradisi diteliti melalui empat aspek dalam kajian ini. Aspek kajian ini telah memberi pendedahan kepada pengkaji berkenaan kandungan unsur yang terkandung dalam peribahasa Tamil. Yakni memudahkan pengkaji menjalankan kajian sendiri.

Selain itu, kajian tentang penguasaan peribahasa Melayu dalam kalangan pelajar Cina telah dilakukan oleh Ros Haslinda Hayati, (2010). Kajian ini bertujuan untuk memenuhi syarat kedoktoran di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Dalam kajian ini, Ros Haslinda menerangkan pencapaian pelajar-pelajar Cina dalam menguasai peribahasa Melayu. Pelajar-pelajar Cina telah menunjukkan minat dan usaha dalam mempelajari peribahasa Melayu, kajian ini mendapati bahawa jangkaan umum yang menyatakan pelajar Cina kurang mahir dalam penguasaan dalam peribahasa Melayu adalah tidak tepat. Kajian ini dapat membuktikan bahawa murid-murid Cina juga boleh mempelajari peribahasa Melayu walaupun pertuturan murid Cina bercampur dengan pelat bahasa Cina. Kajian ini berbeza dengan kajian yang dilakukan kerana tumpuan kepada aspek minat dan penerimaan pengguna bahasa kedua dikaji. Tumpuan tidak diberikan kepada kearifan yang menjadi keunikan dalam peribahasa.

Vijila Jasmin, P. (2004), seorang pengkaji dari Tamil Nadu telah menjalankan satu kajian di peringkat ijazah kedoktoran di Universiti Manonmaniyam Suntharanaar Tamil Nadu. Kajian tersebut bertajuk “பழமொழிகளும் சமூக வளர்ச்சி சிந்தனைகளும் (குமரி மாவட்டம்), (*Paḻamoḻikaḷum camūka vaḷarcci cintaṉaikaḷum*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- *Kumari māvaṭṭam)*. Kajian ini berfokus pada beberapa subtopik yang ada kaitan antara satu sama lain. Sebagai contohnya, kemajuan individu dikaitkan dengan kemajuan sesebuah keluarga, kemajuan ini seterusnya mempengaruhi kemajuan masyarakat dan akhirnya membawa kemajuan sesebuah negara. Kajian ini dilakukan secara lebih terperinci tentang gambaran hidup masyarakat yang tinggal di Daerah Kumari di Tamil Nadu. Skop kajian ini lebih cenderung kepada perkembangan dan kemajuan masyarakat tetapi aspek maksud dan falsafah dalam peribahasa tidak diberi perhatian.

Seterusnya, seorang pengkaji bernama Klara. (2004), dari Tamil Universiti Tanjavur telah menjalankan satu kajian untuk memenuhi syarat kedoktorannya. Tajuk kajiannya ialah தஞ்சாவூர் மாவட்ட பழமொழிகள் - ஓர் ஆய்வு *(Tañcāvūr māvaṭṭa paḻamoḻikaḷ- ōr āyvu),* yakni peribahasa yang diamalkan di daerah Thanjavur sebuah daerah di selatan India. Kajian ini dijalankan semata-mata untuk melihat keunikan daerah Thanjavur di Tamil Nadu. Hal ini demikian kerana peribahasa yang diguna pakai di daerah ini memiliki keunikan tersendiri. Peribahasa di daerah ini merangkumi bidang pertanian, pendidikan, kebudayaan, keagamaan dan sebagainya. Kuil besar Thanjavur merupakan lambang dan bukti penggunaan peribahasa awal di daerah ini. Oleh yang demikian pengkaji telah berusaha menaikkan nama daerah Thanjavur dengan cara mengkaji tentang peribahasa daerah ini. Kajian ini membataskan kupasannya terhadap pengaruh kedaerahan dalam penggunaan peribahasa semata-mata.

Saktivel, S. (2004), merupakan seoarang pengkaji terkemuka di Tamil Nadu. Beliau telah banyak menjalankan kajian dalam bahasa Tamil. Kajian-kajian beliau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadi perhatian umum dan dijadikan sebagai rujukan oleh pelajar-pelajar universiti untuk menjalankan kajian di peringkat sarjana dan kedoktoran di Tamil Nadu. Salah satu dari kajiannya bertajuk தமிழ்ப் பழமொழிகள்- ஓர் ஆய்வு (*Tamiḻp paḻamoḻikaḷ ōr āyvu)* yang bermaksud kajian tentang peribahasa Tamil secara umum. Kajian ini dijalankan bagi memenuhi syarat ijazah kedoktoran di Tamil Universiti Tanjavur. Dalam kajian ini beliau telah berbincang tentang sejarah perkembangan dan pembahagian peribahasa mengikut bidang-bidang utama. Pengkategorian peribahasa Tamil telah memudahkan para pengguna untuk membaca dan menghayati mengikut kehendak masing-masing.

Tirunanacampanar, P. (2002), pula telah menjalankan satu kajian untuk memenuhi ijazah kedoktorannya di Tamil Universiti Tanjavur. Tajuk kajiannya ialah அறநூல்களில் பழமொழி நானூறு- ஓர் ஆய்வு *(Aṟanūlkaḷil paḻamoḻi nāṉūṟu- ōr āyvu)* yang bermaksud koleksi 400 peribahasa dalam buku-buku moral: satu kajian. Dalam kajian ini, pengkaji telah cuba menerangkan sikap dan sifat yang perlu diamalkan dalam hidup oleh setiap individu berdasarkan peribahasa 400. Pengkaji berpendapat bahawa buku-buku moral akan membantu mengekalkan sifat dan sikap yang perlu diamalkan oleh manusia. Tumpuan kajian ini menjurus kepada aspek nilai moral serta pembinaan sahsiah yakni lebih cenderung kepada penggunaan peribahasa dalam kehidupan.

Perumal, V. (1984), merupakan seorang lagi pengkaji yang berpengalaman dalam bidang bahasa. Beliau telah menjalankan satu kajian perbandingan antara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peribahasa Tamil dengan peribahasa Inggeris yang bertajuk *தமிழிலும் ஆங்கிலத்திலும் பழமொழி ஒப்புமை* (Tamiḻilum āṅkilattilum paḻamoḻi oppumai). untuk memenuhi syarat ijazah kedoktoran di Tamil Universiti Tanjavur. Dalam kajian ini beliau melihat pada persamaan yang terdapat dalam peribahasa Tamil dan Inggeris. Pengkaji mendapati bahawa walaupun berlainan bahasa tetapi maksud kandungan peribahasa adalah seakan-akan sama. Kajian perbandingan ini membuktikan bahawa kehidupan semua bangsa berpandukan peribahasa masing-masing adalah hampir sama.

Selain itu, seorang lagi pengkaji bernama Sanmukasuntaram, K. (1984), telah menjalankan satu kajian perbandingan untuk memenuhi syarat ijazah kedoktoran di Tamil Universiti Tanjavur. Kajian ini berbentuk kajian perbandingan dengan menggunakan data sumber yang berlainan. Kajian yang bertajuk *பழமொழி நானூறும் தண்டலையார் சதகமும், (Paḻamoḻi Nāṉūṟum Taṇṭalaiyār Catakamum)* bermaksud, perbandingan antara *buku peribahasa empat ratus* dengan *buku Thandalaiyar Cathakam.* Didapati kedua-dua buku ini mengumpulkan peribahasa klasik, tetapi pengkaji meneliti dan menganalisis kedua-dua buku ini dari segi persamaan dan perbezaan isi kandungannya. Persamaannya ialah, pada akhir setiap puisi dalam kedua-dua buku ini disertakan dengan satu peribahasa. Manakala perbezaannya ialah dari segi bentuknya. Peribahasa dari buku *Paḻamoḻi Nāṉūṟu* adalah lebih pendek berbanding dengan buku *Taṇṭalaiyār Catakam*. Kedua-dua buku ini merupakan buku peribahasa yang terawal sekali di Tamil Nadu dan menjadi nadi utama bagi pengkaji bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, satu lagi kajian peringkat ijazah kedoktoran dijalankan di Tamil Universiti Tanjavur, kajian yang bertajuk "தமிழ்ப் பழமொழிகள் - அமைப்பு, பொருண்மை, செயல்பாடு" *("Tamiḻp paḻamoḻikaḷ-amaippu, poruṇmai, ceyalpāṭu")* (1982), atau dalam bahasa Melayu bermaksud, "Peribahasa Tamil dari segi organisasi, kandungan dan fungsi". Kajian ini dijalankan oleh Lurtu,T. Kajian ini membincangkan organisasi, kandungan serta fungsi peribahasa kepada para penggunanya. Usaha kajian ini bertujuan untuk memudahkan kerja-kerja rujukan bagi pengkaji muda dan juga kepada semua pembaca. Kajian ini telah dibukukan pada tahun 2007 dan dipamerkan di perpustakaan Tamil Universiti Thanjavur. Buku ini menjadi rujukan utama bagi para pengkaji peribahasa sehingga kini. Kajian ini menyentuh aspek yang dikaji kupasannya kelihatan umum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, satu lagi kajian bertajuk "சமுதாய நோக்கில் பழமொழிகள்" *(Camutāya nōkkil paḻamoḻikaḷ)* (1975), yang bermaksud peribahasa berasaskan komuniti. Kajian ini telah dikaji oleh Salai Ilantiraiyan untuk memenuhi syarat ijazah kedoktoran di Tamil Universiti Tanjavur. Kajian ini adalah satu kajian seakan-akan sama dengan kajian Vijila Jasmin, P. Kajian ini berfokus pada peribahasa kekeluargaan, keagamaan dan sifat-sifat kewanitaan. Pengkaji berpendapat bahawa ketiga-tiga topik ini ialah nadi utama sesebuah negara. Oleh yang demikian tajuk ini telah dipilih untuk dikaji. Kajian ini dipercayai sedikit sebanyak akan memberi manfaat kepada para pengkaji yang ingin mengkaji tentang peribahasa pada masa akan datang. Skop kajian ini lebih cenderung kepada aspek sosial yang terdapat dalam peribahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, Anandai, S. (2010), telah menjalankan sebuah kajian untuk memenuhi ijazah Sarjana di Universiti Malaya. Tajuk kajian beliau ialah "Institusi perkahwinan, keluarga dan pendidikan dalam masyarakat Tamil berdasarkan perspektif peribahasa Tamil". Kajian ini telah dijalankan untuk menggambarkan ciri-ciri yang terdapat dalam peribahasa dari kacamata institusi perkahwinan, keluarga serta pendidikan masyarakat Tamil. Kesimpulannya, kajian ini secara tidak langsung memberi maklumat serta gambaran kepada generasi muda berkenaan institusi perkahwinan, keluarga dan Pendidikan melalui peribahasa Tamil. Fokus kajian ini lebih menjurus kepada kajian masyarakat yang menggunakan peribahasa sebagai dokumen sosial.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Komalavani Cukumar. (2009), telah menjalankan sebuah kajian tentang peribahasa di Universiti Malaya bagi memenuhi syarat Disertasi peringkat Sarjana. Tajuk kajian beliau ialah மலேசியத் தமிழர்களிடையே பழமொழியின் தாக்கம் : ஓர் ஆய்வு, (*Malēciyat tamiḻarkaḷiṭaiyē paḻamoḻiyiṉ tākkam : Ōr āyvu),* bermaksud Impak Peribahasa dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia : Satu Kajian. Kajian ini menjelaskan sejauh mana peribahasa Tamil telah mempengaruhi kehidupan masyarakat Tamil di Malaysia terutamanya dalam bidang sosial, pendidikan dan institusi kekeluargaan. Kajian ini telah menekankan bahawa peribahasa sebagai pedoman hidup masyarakat Tamil. Kajian ini juga melihat kemampuan dan fungsi peribahasa secara umum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian bertajuk “Nilai Peribahasa Membina Modal Insan” oleh Azura Bt Abdul Aziz. (2007), telah dikaji bagi memenuhi syarat Disertasi Ijazah Sarjana di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Penyelidikan ini berfokus kepada nilai peribahasa Melayu dalam membina modal insan. Kajian ini juga membincangkan makna peribahasa yang ada unsur nilai murni untuk membentuk modal insan sejajar dengan pembentukan institusi kekeluargaan serta membentuk jati diri dan kasih sayang dalam kalangan masyarakat Melayu. Kajian ini juga melihat aspek nilai yang terdapat dalam peribahasa

Seterusnya satu lagi kajian berkenaan nilai-nilai murni dalam peribahasa dan pengajarannya di sekolah menengah telah dijalankan oleh Thalatha Zaiton. (2005), untuk memperoleh Ijazah Sarjana di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kajian ini meliputi pelajar sekolah menengah bertujuan untuk melihat keberkesanan penerapan nilai-nilai murni melalui peribahasa. Pengkaji berpendapat bahawa nilai-nilai murni yang terkandung dalam peribahasa dapat membantu menanam sikap positif dalam kalangan pelajar sekolah menengah yang kini ramai yang terlencong daripada etika hidup sebenar. Pengkaji juga berpendapat bahawa usaha menanam nilai murni dalam hidup setiap individu melalui peribahasa adalah patut dan perlu pada zaman sekarang.

Satu lagi kajian tentang peribahasa dalam Epik Ramayana yang telah dijalankan oleh pengkaji bernama Tiyakarajan Kantan. (1999), dari Universiti Malaya untuk memenuhi syarat Disertasi sarjananya. Kajian ini bertajuk கம்பராமாயண யுத்தகாண்டத்தில் பழமொழிகள் *(Kamparāmāyaṇa yuttakāṇṭattil paḻamoḻikaḷ)* membawa maksud penggunaan peribahasa dalam Epik Ramayana di bahagian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peperangan. Kajian ini berfokus pada penggunaan peribahasa yang membawa maksud tersirat semasa peperangan dalam Epik Ramayana. Terdapat pelbagai rahsia yang dikekalkan semasa mengendalikan peperangan. Oleh yang demikian para cendekiawan zaman dahulu menggunakan peribahasa sebagai alat perhubungan sesama anggota mereka supaya perbualan mereka kekal berahsia dan tidak dapat dikesani oleh musuh. Kajian ini menarik kerana melihat penggunaan peribahasa sebagai satu kod rahsia yang hanya difahami oleh sekumpulan orang sahaja.

Antara kajian yang berkait rapat dengan peribahasa ialah tulisan dalam jurnal tentang warisan budaya pemikiran dalam peribahasa Melayu oleh Ahmad Fuad Mat Hassan. (2016), dalam *Jurnal Peradaban* Universiti Utara Malaysia. Kajian ini membincangkan warisan budaya pemikiran dalam konteks sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik masyarakat Melayu melalui peribahasa Melayu. Pengkaji berpendapat bahawa peribahasa yang mengandungi budaya pemikiran masyarakat Melayu lama perlu dijaga untuk menjadi warisan serta rujukan kepada generasi muda akan datang. Selain itu unsur-unsur ekonomi dan politik yang telah diamalkan oleh masyarakat lama adalah sesuatu yang unik dan perlu dihargai oleh generasi muda.

Selain dari itu, seorang lagi pengkaji popular dari Tamil Nadu iaitu Perumal, V. telah menghasilkan sebuah kajian bertajuk *Contribution of Tamil Proverbs to Medical Sciences* dalam Journal of Tamil Studies (1987) di bawah tajaan International Institute of Tamil Studies, Tamil Nadu India. Kajian tersebut dijalankan dengan tujuan untuk menunjukkan betapa peribahasa Tamil menyumbang kepada sains perubatan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memberi manfaat kepada masyarakat umum. Kajian ini menjelaskan peribahasa yang ada kaitan dengan sains perubatan serta kepengunaannya. Kajian ini telah memberi idea kepada pengkaji untuk menjalankan kajian semasa.

Seterusnya kajian berkenaan pertanian dan peribahasa telah dijalankan oleh pengkaji Noraini Abdul Shukor dan Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (2016), dalam *Jurnal Melayu* Universiti Malaya. Kajian tersebut melihat padi sebagai tanda dalam peribahasa Melayu. Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk menunjukkan aktiviti penanaman padi sebagai sumber ekonomi utama orang-orang Melayu sejak dahulu lagi. Kelebihan dan kepentingan padi dalam kalangan masyarakat Melayu tertonjol melalui beberapa peribahasa Melayu. Peribahasa berkenaan padi juga menampakkan hubungan erat antara masyarakat Melayu dengan bidang pertanian. Kajian ini walaupun melihat peribahasa Melayu agak menarik kerana melihat kemampuan peribahasa mengucapkan kearifan ekonomi masyarakat Melayu.

Hasmidar Hassan. (2016), pula telah menjalankan satu kajian yang bertajuk penginterprestasian peribahasa dan hubungannya dengan kemahiran berfikir : analisis berdasarkan teori relevan dalam *Jurnal Bahasa* Universiti sains Malaysia. Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk memberi kesedaran kepada pelajar pendidikan guru supaya memahami maksud implisit yang didukung oleh peribahasa. Para pelajar tidak mahir menginterprestasi atau menghubungkaitkan maklumat dengan sesuatu peribahasa. Oleh yang demikian pengkaji telah menjalankan kajian ini sejajar dengan keperluan transformasi pendidikan abad ke-21 yang menekankan unsur KBAT

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(kemahiran berfikir aras tinggi) dalam setiap mata pelajaran terutamanya mata pelajaran Bahasa Melayu.

Satu lagi kajian yang membicarakan peribahasa ialah kajian yang bertajuk peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil dari aspek sosial. Kajian ini dijalankan oleh Ragini dan Che Ibrahim. (2015), dalam Journal of Business And Social Development Universiti Putra Malaysia. Kajian ini merupakan satu kajian perbandingan antara peribahasa Melayu dan Tamil yang bertujuan untuk mengenal pasti persamaan yang terdapat dalam peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil. Dapatan kajian ini menunjukkan orang Melayu dan orang Tamil berinteraksi dengan alam melalui peribahasa yang membuktikan peribahasa adalah sebahagian daripada kehidupan sosial masyarakat melayu dan Tamil. Pengkaji berpendapat bahawa aspek sosial merupakan satu aspek yang penting bagi semua bangsa.

Kajian berkenaan bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu merupakan satu lagi kajian yang telah dijalankan oleh Zaitol Azma Zainon Hamzah. (2011), dalam Journal of Language Studies Universiti Putra Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk menunjukkan kepenggunaan bahasa serta pemikiran orang Melayu dalam peribahasa Melayu. Kajian ini juga melihatkan bagaimana pemikiran masyarakat Melayu dapat disampaikan secara tersurat dan tersirat melalui peribahasa Melayu. Kajian ini membuktikan bahawa peribahasa Melayu menyerlahkan ketinggian pemikiran masyarakat Melayu yang bersumberkan alam semesta.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang bertajuk “Remaja Malaysia dan Peribahasa Melayu” adalah satu lagi kajian yang telah dijalankan oleh Nor Hashimah Jalaludin. (2010), dalam *Jurnal Linguistik.* Dalam kajian ini pengkaji telah meneliti peribahasa Melayu sebagai satu alat yang menggambarkan imaginasi golongan remaja. Selain itu, satu lagi unsur yang dapat dilihat ialah peribahasa memiliki maksud yang mendalam serta kaya dengan aspek retorik yang sesuai diguna pakai oleh golongan remaja pada bila-bila masa dan situasi. Kajian ini melihat peribahasa sebagai alat komunikasi yang sesuai untuk semua usia.

Seorang lagi pengkaji Barat yang bernama Stek, J. H. (2001), pula telah menghasilkan sebuah kajian berkenaan buku peribahasa. Tajuk kajiannya ialah, *Proverbs : An Introduction*. Usaha ini telah memperkenalkan peribahasa Tamil lama kepada masyarakat umum melalui satu koleksi. Setiap peribahasa yang diperkenalkan diberi suasana atau falsafah yang mencetuskan kelahiran peribahasa tersebut. Hal ini adalah kerana pengkaji ingin memudahkan para pembaca supaya memahami peribahasa serta maksud peribahasa dengan lebih jelas. Kajian ini boleh menjadi panduan kepada pengkaji baru untuk memahami dan memilih peribahasa mengikut keperluan bidang kajian mereka. Kajian ini telah memudahkan pengkaji kini untuk meninjau peribahasa perubatan melalui buku *Proverbs : An Introduction.*

Antara kajian terkini berkenaan peribahasa oleh pengkaji luar negara ialah, kajian yang bertajuk நீதிக்கதைகளின் வழி மாணவர்களிடையே பழமொழியைப் பொருளறிந்து பயன்படுத்தும் ஆற்றலை மேம்படுத்துதல் *(Nītikkataikaḷiṉ vaḻi*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

māṇavarkaḷiṭaiyē paḻamoḻiyaip poruḷaṟintu payaṉpaṭuttum āṟṟalai mēmpaṭuttutal). Jekatican, M. (2017), telah menghasilkan dan membentangkan kajian ini dalam Persidangan Antarabangsa (ICLLS) International Confrence on Language, Linguistics & Social Science. Tajuk ini membawa maksud meningkatkan kemahiran memahami tentang penggunaan peribahasa melalui cerita-cerita moral dalam kalangan pelajar. Menurut pengkaji peribahasa merupakan satu ungkapan yang mengandungi unsur-unsur pengajaran yang penting dan nilai moral untuk semua golongan, terutamanya kepada para pelajar. Kajian ini melihat dari aspek, fungsi peribahasa dalam masyarakat Tamil.

Sivakumari Samyappan. (2013), telah menghasilkan sebuah kajian bagi tujuan Persidangan Guru-guru Tamil Sedunia Yang Ke-10. Kajiannya bertajuk "Usaha meningkatkan pembelajaran peribahasa melalui aplikasi teknologi komunikasi multimedia di kalangan murid-murid tahun empat". Kajian ini tertumpu pada perubahan yang harus diikuti oleh guru-guru Tamil sejajar dengan peredaran zaman. Guru-guru juga dapat meningkatkan pengajaran peribahasa dalam bahasa Tamil. Di samping itu, pengkaji juga berhasrat untuk menjelaskan pembelajaran peribahasa harus diberi perhatian untuk mengekalkan keunikannya dan bukan sekadar belajar untuk lulus peperiksaan semata-mata. Kajian ini lebih menjurus kajian pendidikan yang menggunakan pendekatan eksperimen.

Cittalatcumi, R. (2011), telah menghasilkan dan menyampaikan satu kertas kajian dalam Persidangan Antarabangsa, Panniru Thirumuraip Pannattuu Ayvu. Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tersebut bertajuk "*திருவிசைப்பாவில் பழமொழிகள் காட்டும் சித்தாந்த சிந்தனை*" *(Tiruvicaippāvil paḻamoḻikaḷ kāṭṭum cittānta cintaṉai)* yang membawa maksud peribahasa yang memaparkan pemikiran ideologi melalui Tiruvisaippa melalui kumpulan puisi keagamaan. Kajian ini membincangkan, betapa pentingnya pemikiran ideologi keagamaan dalam kalangan penganut agama Hindu. Pengkaji telah menganalisis peribahasa yang terkandung dalam lagu-lagu Tiruvisaippa yang menyebutkan pemikiran ideologi masyarakat dengan anggapan cara ini akan memberi kesedaran kepada para pengkaji generasi muda tentang peribahasa dan Tiruvisaippa. Kajian ini melihat dalam hubungan peribahasa dengan keagamaannya.

Kajian seterusnya meliputi penyelidikan tentang murid-murid sekolah rendah. Kajian yang bertajuk "Pembelajaran peribahasa dalam kalangan murid sekolah rendah" ialah kajian yang di bentangkan dalam satu sessi dialog bertajuk "Perkongsian Profesional Bagi Guru-Guru Permulaan". Kajian ini dijalankan oleh Arni Johan. (2014). Kajian ini dijalankan di Universiti Malaya dibawah Jabatan Pengkajian Melayu. Kajian ini bertujuan untuk memberi kesedaran dan mempertahankan kepentingan peribahasa kepada murid terutamanya murid sekolah rendah. Pembelajaran peribahasa secara eksperimen ini menggunakan komik melalui perisian Bitstrips, berasaskan Teori Konstruktivisme. Didapati, pengkaji bercadang untuk menyemai kesedaran tentang kepentingan pembelajaran peribahasa dalam kalangan murid sekolah rendah sejak di bangku sekolah lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1.2 Kajian Perubatan Tradisional

Pengkaji berpendapat bahawa kajian berkenaan perubatan tradisional di Malaysia kurang mendapat sambutan. Kajian tempatan berkenaan perubatan tradisional adalah amat kurang sekali berbanding dengan kajian perubatan tradisional di negara-negara luar. Di sini pengkaji berjaya meneliti beberapa kajian tentang perubatan tradisional dari dalam dan luar negara. Kajian-kajian tersebut adalah seperti berikut.

Kovintaraj, S. (2009), telah menjalankan sebuah kajian untuk memenuhi ijazah kedoktoran di Tamil Universiti Tanjavur yang bertajuk *தமிழ் இலக்கியத்தில் சித்த மருத்துவம் (Tamiḻ ilakkiyattil citta maruttuvam)* bermaksud perubatan Sidha dalam kesusasteraan Tamil. Kajian ini berbincang tentang keunikan dan keunggulan kesusasteraan dokumen perubatan Sidha masyarakat Tamil. Kedua-dua bidang ini berkembang maju sejajar dengan kemajuan dunia. Kajian ini juga memberi peluang kepada generasi muda untuk mengetahui perkembangan perubahan awal masyarakat Tamil dan mengenali perubahan yang berlaku kini.

Selain itu, kajian berkenaan *சித்த மருத்துவ நூற்பதிப்புகள்* (1850-1950), *(Citta maruttuva nūṟpatippukaḷ 1850-1950)*, telah dijalankan oleh Arankanatan, S. (2005), untuk memenuhi ijazah kedoktoran di Tamil Universiti Tanjavur. Tajuk ini meninjau penerbitan buku-buku berkenaan perubatan Sidha dari tahun 1850 hingga 1950. Pengkaji telah berusaha mencari dan mengkaji tentang buku-buku berkaitan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perubatan Sidha yang lama. Tujuan utama kajian ini ialah untuk memberitahu para pembaca tentang zaman kegemilangan dalam bidang perubatan Sidha di Tamil Nadu. Dari kajian ini para pengkaji muda dapat merujuk catatan dan buku-buku berkenaan perubatan Sidha dengan mudah.

Begitu juga dengan Santiran, N. (2002), telah menjalankan sebuah kajian untuk memenuhi ijazah kedoktoran di Universiti Annamalai, Chitambaram yang bertajuk நாட்டுப்புற மருத்துவம் *(Nāṭṭuppuṟa maruttuvam)* yakni "Perubatan Tradisional atau Perubatan Rakyat". Perbincangan kajian ini meliputi sejarah kewujudan serta kegunaan perubatan tradisional bagi rakyat. Kajian ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pengguna dan pengkaji generasi muda supaya tahu tentang sejarah perubatan tradisional masyarakat Tamil. Pengkaji memproses banyak data melalui perbincangan dengan orang tua-tua yang mengetahui tentang perubatan ini.

Mana Sikana (2012:78) pula menyatakan bahawa teori ialah satu gagasan tentang definisi, konsep, prinsip, kriteria dan saranan yang menjelaskan tentang sesuatu objek. Didapati sesuatu teori yang baik akan menjelaskan tentang sesuatu fenomena dengan tepat dan padat. Dengan kata lain, teori memuat konsep, definisi dan proposisi.

Menurut Sohaimi Abdul Aziz, (2014)

> "Teori itu bukan sahaja terletak kepada memberi sesuatu penjelasan yang sistematik tetapi lebih daripada itu".

> "Teori merupakan satu penjelasan secara saintifik tentang sesuatu fenomena".
>
> (Sohaimi Abdul Aziz, 2014:xvii)

Dengan kata lain, teori yang baik akan dapat memberi penjelasan tentang sesuatu keadaan atau fenomena. Teori akan mengisi jurang literatur yang dikenal pasti sama ada untuk mendalami sesuatu fakta yang telah diketahui umum atau menjelaskan perkara-perkara yang masih kabur maknanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sepertimana dijelaskan oleh Jonathan Culler (2000), tujuan teori ialah membuat penjelasan, meramalkan dan membuat generalisasi terhadap sesuatu fenomena hasil pemerhatian atau penelitian yang dilakukan. Teori mempunyai fungsi memberi penjelasan terhadap sesuatu fenomena:

> *The main effect of theory is the disputing of 'common sense'*
>
> *common sense views about meaning, writing, literature, experience*
>
> (Jonathan Culler, 2000:4)

Teori boleh dilihat dalam semua bidang seperti bidang sastera, sains, matematik, politik, pertanian, pembangunan dan sebagainya. Terdapat beberapa jenis teori yang kerap didengar atau dibaca. Antaranya ialah teori moral, teori komunikasi, teori feminisme, teori relevan, teori sosiologi, teori perbandingan, teori pengkaedahan, teori *kalaviyal dan karpiyal* dan lain-lain lagi. Maka dalam kajian ini, pengkaji telah memilih teori relevan dengan harapan dapat memberi penjelasan yang utuh tentang unsur-unsur perubatan melalui peribahasa Tamil. Oleh yang demikian pengkaji akan menerangkan *teori relevan* yang digunakan dalam kajian ini secara lebih terperinci.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Teori Relevan

Teori relevan merupakan satu teori yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson pada tahun 1986. Teori ini telah diperkemaskan pada tahun 1995. Teori relevans mencakupi fakta tentang pembentukan dan pemilihan konteks serta prinsip relevan. Teori relevan juga menekankan beberapa aspek utama iaitu aspek perbualan secara lisan, kesan poetik, dimensi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penggunaan bahasa dari segi deskriptif dan interpretif, metafora, ujaran, ironi dan juga pertuturan. Secara ringkasnya, teori relevans lebih menekankan bentuk komunikasi yang dapat difahami antara penutur dan pendengar.

Matlamat teori ini adalah untuk menjelaskan ciri proses mental yang terlibat dalam penginterprestasian ujaran atau pun maklumat. Menurut Ainon Mohd (2005) pengertian relevan adalah kaitan dan hubungan erat dengan pokok masalah yang sedang dihadapi. Selain itu, teori relevan juga digunakan dalam usaha memproses ujaran supaya pendengar mencapai interprestasi yang relevans secara optimum dan mencukupi.

Jika dilihat dari sudut lain, Sperber & Wilson, (2002:608) berpendapat bahawa teori relevans yang optimum akan memproses sebarang rangsangan luar atau representasi dalaman yang menjadi input kepada proses kognitif yang mungkin relevan pada seorang individu pada suatu masa yang tertentu. Sementara itu, sesuatu input yang relevans secara maksimum akan dikaitkan dengan maklumat latar belakang seseorang individu.

Selain itu, pengkaji seharusnya dapat menjamin apa-apa diperbincangkan adalah benar-benar relevan serta sesuai untuk dijadikan bahan rujukan oleh para pembaca. Dengan kata lain, pengkaji dapat memastikan perkara yang dibincangkan itu mempunyai ciri-ciri relevan yang optimal. Relevan optimal pula bermaksud setiap ujaran pengkaji mempunyai kesan-kesan konteks yang maksimum yang dapat dirumuskan dalam masa yang singkat, Deirdre Wilson & Dan Sperber (1986:256). Maka konteks haruslah seimbang dengan masa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memproses bagi menghasilkan kandungan maklumat yang diharapkan oleh pembaca. Pengkaji bertanggungjawab dalam menjamin maklumat yang disampaikan itu benar-benar relevan dan sesuai kepada pendengar atau pembaca.

3.7 Gagasan Utama

Gagasan utama ialah elemen-elemen yang penting dalam perbincangan sesuatu kajian yang membantu memudahkan pengkaji menyampaikan maklumat yang tepat dan jitu maka teori relevan menetapkan tiga gagasan utama iaitu konteks, kesan konteks dan kos memproses. Di sini perbincangan akan merangkumi sifat ketiga-tiga gagasan utama berdasarkan peribahasa yang telah dipilih oleh pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.1 Konteks

Menurut *Kamus Dewan* edisi keempat (2015:818) mentakrifkan konteks sebagai, ayat yang menentukan atau menunjukkan erti perkataan (ungkapan) yang terkandung di dalamnya. Manakala, Sperber dan Wilson pula berpendapat bahawa, Konteks juga dapat melibatkan masa depan, hipotesis saintifik atau kepercayaan keagamaan, andaian am tentang budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran si penutur. Kesemuanya memainkan peranan dalam interpretasi kandungan yang merangkumi skop dan bahan sesuatu kajian *(Sperber dan Wilson; 1986:15).* Sebagai contohnya peribahasa சுத்தம் சுகம் தரும் (Cuttam cukam tarum) membawa maksud kebersihan diri akan menjamin kesihatan individu. Melalui kajian ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengkaji ingin menghujah maklumat peribahasa Tamil yang berunsur perubatan sebagai konteks asas kajian.

3.7.2 Kesan Konteks

Manakala kesan konteks ialah perkara yang penting bagi menghuraikan proses pemahaman sesuatu ujaran. Ujaran yang dianggap lebih relevan jika mempunyai lebih banyak kesan konteks. Kesan konteks merupakan andaian awal yang ada pada pendengar. Kesan konteks boleh dilihat melalui pandangan para pembaca dan pendengar tentang peribahasa berunsur perubatan. Hal ini dapat dikesan semasa si pendengar dan pembaca berusaha mempraktikkan unsur perubatan yang dibincangkan melalui peribahasa Tamil dalam hidup seharian mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.3 Kos Memproses

Kos memproses pula ialah usaha si pendengar dalam memproses maklumat atau makna ujaran. Dalam kajian ini pengkaji akan memberi makna bagi setiap peribahasa yang dijadikan sebagai bahan kajian atau lebih tepat lagi konteks. Apabila makna ujaran dapat difahami dengan mudah oleh si pendengar atau pembaca, maka kos memproses maklumat bagi ujaran tersebut dianggap rendah. Jika ujaran yang dihasilkan oleh pengkaji dipenuhi dengan soalan-soalan relevan, ia akan meningkatkan lagi kos memproses sesuatu ujaran. Maksudnya pengkaji perlu menerangkan makna setiap ujaran dengan lebih jelas dan mendalam. Kos memproses merupakan sesuatu yang penting bagi memastikan ujaran dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

difahami dengan mudah oleh pendengar. Contoh peribahasa yang sesuai untuk menerangkan kos memproses ialah மூன்று வேளை உள்ளே மூன்று வேளை வெளியே (Mūṉṟu vēḷai uḷḷē mūṉṟu vēḷai veḷiyē) membawa maksud seseorang individu mengamalkan pemakanan tiga kali sehari, maka individu tersebut perlu mengamalkan proses perkumuhan tiga kali sehari supaya dapat hidup sihat.

3.8 Sub Gagasan

Sub gagasan (buah fikiran) pula ialah elemen-elemen yang dicipta bagi membantu ketiga-tiga gagasan utama. Antara sub gagasan ialah pengayaan, pemilihan rujukan dan penyahtaksaan maklumat bagi penginterprestasian makna. Dalam bahagian ini perbincangan akan dibuat berdasarkan ketiga-tiga sub gagasan ini.

3.8.1 Pengayaan

Proses pengayaan merupakan satu proses yang boleh membantu si pembaca mempelajari sesuatu dengan lebih baik lagi. Dalam kajian ini proses pengayaan akan membantu para pembaca untuk mengetahui dan memahami tentang unsur perubatan yang terkandung dalam peribahasa Tamil, yakni membantu mengubati secara tradisional. Sebagai contohnya, Peribahasa "வைத்தியன் மருந்தாகிலும் கை மருந்தே நலம்". (Vaittiyaṉ maruntākilum kai maruntē nalam, 1998:418) membawa maksud, perubatan tradisional adalah lebih baik daripada perubatan moden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8.2 Pemilihan Rujukan

Proses pemilihan rujukan ialah sesuatu yang penting dalam menjalankan penyelidikan kepada seorang pengkaji mahupun para pembaca. Pengkaji akan merujuk pelbagai sumber untuk memberi fakta dan bukti yang kukuh berkenaan kajian. Usaha ini akan membantu pengkaji menghasilkan satu kajian yang sempurna. Manakala si pembaca pula boleh menjadikan kajian ini sebagai sumber rujukan pada masa akan datang. Kajian peribahasa Tamil berunsur perubatan juga telah menjalani proses pemilihan rujukan secara menyeluruh oleh pengkaji. Iaitu pengkaji mencari dan meneliti kesemua bahan rujukan yang diperolehi daripada perpustakaan dalam dan luar negara. Pengkaji telah meneria khidmat nasihat daripada beberapa pakar semasa memilih dan menetapkan pemilihan rujukan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8.3 Penginterprestasian Makna


Menurut *Kamus Dewan* edisi keempat (2015:584), penginterprestasian makna ialah pentafsiran sesuatu fakta. Dalam kajian ini bahan utama ialah peribahasa Tamil berunsur perubatan. Tidak semua orang boleh memahami erti sebenar peribahasa Tamil dalam kajian ini. Maka pengkaji perlu menginterprestasikan makna peribahasa yang tersirat dan tersurat supaya para pembaca dapat memahami dan menghayati apabila membaca kajian ini. Oleh yang demikian proses penginterprestasian makna memainkan peranan penting dalam penyelidikan ini. Salah satu daripada peribahasa yang dipilih oleh pengkaji membawa maksud tersirat di mana para pembaca tidak dapat memahaminya dalam sekali membaca. Malah boleh memahami selepas meneliti penginterprestasian makna oleh pengkaji. Peribahasa tersebut adalah seperti berikut: மேகம் முற்றினால் வெள்ளை, வெள்ளை

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

முற்றினால் வெட்டை, வெட்டை முற்றினால் கட்டை (Mēkam murriṉāl veḷḷai, veḷḷai murriṉāl veṭṭai, veṭṭai murriṉāl kaṭṭai) membawa maksud tersirat iaitu badan wanita yang menjadi panas akan menyebabkan penyakit kurang sel darah putih, jika tidak mengubatinya ia mungkin akan memudaratkan nyawa si wanita.

3.9 Kerangka Teori



Rajah 3.4 . Kerangka Teori

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.10 Kesimpulan

Pelbagai pendekatan dan kaedah digunakan untuk mendapatkan maklumat yang sesuai dan jelas berdasarkan tajuk kajian yang telah dipilih oleh pengkaji. Antara kaedah kajian yang telah digunakan toleh pengkaji ialah kaedah kajian teks, kaedah kepustakaan dan kaedah kajian lapangan yang berlandaskan kaedah kualitatif deskriptif. Kesempurnaan sesuatu kajian adalah berkait rapat dengan ketepatan kaedah kajian yang bersistematik.

Secara kesimpulannya, kajian yang dijalankan ini secara tidak langsung dapat memberi sedikit ruang dan gambaran secara khusus di samping membantu pengkaji memperoleh hasil kajian yang lebih mantap dan berkualiti. Dengan kaedah ini pengkaji juga dapat meninjau dua perkara utama dalam kajian ini. Yang pertama berkenaan peribahasa Tamil manakala yang kedua pula ialah unsur-unsur perubatan masyarakat Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.0 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan dapatan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Pengkaji akan mengupaskan kearifan pengetahuan perubatan yang telah dikesan melalui peribahasa Tamil yang telah dipilih secara terperinci. Elemen-elemen perbincangan peribahasa Tamil adalah dari segi makna peribahasa, kekerapan penggunaan peribahasa dalam kehidupan harian masyarakat Tamil serta keberkesanan penggunaan peribahasa Tamil berunsur perubatan tersebut berdasarkan beberapa aspek.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Penetapan Bidang Untuk Kajian Semasa

Selaras dengan tajuk kajian, pengkaji telah memilih bidang perubatan dalam peribahasa Tamil sebagai bidang kajian utama. Daripada 10,760 peribahasa iaitu sepuluh ribu tujuh ratus enam puluh peribahasa Tamil yang terdapat dalam buku berjudul பழமொழி அகராதி *(Paḻamoḻi Akarāti)* pengkaji telah mengenal pasti sebanyak 151 peribahasa yang berunsur perubatan. Namun demikian, daripada jumlah ini hanya 51 peribahasa Tamil yang mengandungi unsur perubatan telah dipilih sebagai bahan kajian. Pengkaji memilih peribahasa-peribahasa tersebut berdasarkan nasihat daripada beberapa pakar dalam bidang ini. Pengkaji akan mengkaji dan membincangkan makna serta kepenggunaan peribahasa tersebut dalam kehidupan masyarakat Tamil di Malaysia terutamanya dalam bidang perubatan tradisional. Segala perbincangan dalam kajian ini berdasarkan 51 peribahasa Tamil berunsur perubatan tradisional yang telah dipilih oleh pengkaji daripada buku berjudul பழமொழி அகராதி *(Paḻamoḻi Akarāti)* yang disusun oleh (Anavarathanayakam Pillai, 1998).

Pengkaji telah menetapkan enam aspek yang dianggap penting daripada kandungan peribahasa berdasarkan keperluan asas masyarakat Tamil. Hal ini akan membantu meneruskan perbincangan pengkaji dalam bidang kajian utama, iaitu bidang perubatan tradisional. Jadual 4.1 menunjukkan pembahagian aspek kajian serta bilangan peribahasa yang telah dipilih oleh pengkaji berdasarkan tujuan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1

Aspek-Aspek Perbincangan Peribahasa Berunsur Perubatan

Bil	**Aspek Kajian**	**Bilangan Peribahasa**
I	Pengajaran atau pedoman hidup (வாழ்க்கைக் குறிப்பு)	19
II	Jenis Ubat (மருந்து வகை)	14
III	Kesihatan Diri (உடல் ஆரோக்கியம்)	11
IV	Penyakit (நோய்)	03
V	Psikologi (மனோதத்துவம்)	02
VI	Pembedahan (அறுவை சிகிச்சை)	02
	Jumlah (மொத்தம்)	51

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Senarai Peribahasa Tamil Dan Aspek Berdasarkan Bidang Kajian

Perbincangan kajian tentang peribahasa Tamil berunsur perubatan tradisional akan merangkumi enam aspek utama. Aspek-aspek tersebut ialah pengajaran atau pedoman hidup, kesihatan diri, jenis ubat, jenis penyakit, psikologi dan pembedahan. Secara amnya, segala perbincangan peribahasa Tamil berunsur perubatan oleh pengkaji akan berkisar sekitar enam aspek-aspek tersebut. Berikut adalah senarai peribahasa kajian semasa berdasarkan aspek yang telah ditetapkan oleh pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1 Aspek Pengajaran Atau Pedoman Hidup

Pengajaran atau pedoman hidup adalah dirujuk pada nasihat serta tunjuk ajar yang diberikan oleh orang tua-tua kepada golongan muda-mudi. Segala pengajaran atau pedoman hidup boleh dilihat dalam beberapa bentuk seperti lisan, puisi, kata-kata hikmah dan sebagainya. Dalam bahagian ini aspek pengajaran atau pedoman akan dilihat dalam bentuk peribahasa. Apabila meneliti aspek kajian pertama, iaitu pengajaran atau pedoman hidup (*Vāḻkkaik kuṟippu)*, didapati sebanyak sembilan belas peribahasa Tamil berunsur perubatan telah dikenal pasti oleh pengkaji bagi tujuan kajian. Berikut ialah senarai peribahasa Tamil yang memaparkan aspek pengajaran atau pedoman hidup dalam kalangan masyarakat Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2

Senarai Peribahasa Tamil Daripada Aspek Pengajaran Atau Pedoman Hidup

Bil	*பழமொழிகள்* (Paḻamoḻikaḷ)	Kandungan (உட்கூறு Uṭkūṟu)
1	அளவுக்கு மிஞ்சினால் அமிர்தமும் நஞ்சு Aḷavukku miñciṉāl amirtamum nañcu	Disiplin pemakanan (larangan)
2	சுட்ட எண்ணெயைத் தொடாதே, வருத்த பருப்பை விடாதே Cuṭṭa eṇṇeyait toṭātē, varutta paruppai viṭātē	Disiplin pemakanan (larangan) Galakan pengambilan kekacang yang ditumis

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2 *(sambungan)*

3	நோயைக் கட்ட வாயைக் கட்டு Nōyaik kaṭṭa vāyaik kaṭṭu	Disiplin pemakanan (larangan)
4	நொறுக்குணவு பெருக்கேல் Noṟukkuṇavu perukkēl	Disiplin pemakanan (larangan)
5	அன்னம் அடங்கினால் அஞ்சும் ஒடுங்கும் Aṉṉam aṭaṅkiṉāl añcum oṭuṅkum	Disiplin pemakanan (nasihat)
6	அவசரச் சோறு ஆபத்து Avacarac cōṟu āpattu	Disiplin pemakanan (larangan)
7	நொறுங்கத் தின்றால் நூறு வயது Noṟuṅkat tiṉṟāl nūṟu vayatu	Disiplin pemakanan (nasihat)
8	சாப்பிடும் போது தண்ணீரைத் தடை செய் Cāppiṭum pōtu taṇṇīrait taṭai cey	Disiplin pemakanan (nasihat)
9	விருந்தும் மருந்தும் மூன்று நாள் Viruntum maruntum mūṉṟu nāḷ	Disiplin pemakanan (larangan)
10	மருந்தேயாயினும் விருந்தோடு உண் *Maruntēyāyiṉum viruntōṭu uṇ*	Disiplin pemakanan (larangan)

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2 *(sambungan)*

11	வைத்தியனிடம் கொடுப்பதை வாணியனுக்குக் கொடு Vaittiyaṉiṭam koṭuppatai vāṇiyaṉukkuk koṭu	Disiplin pemakanan (nasihat)
12	ஐம்புலன் அடக்கினால் அகிலமும் அடங்கும் Aimpulaṉ aṭakkiṉāl akilamum aṭaṅkum	Jaminan kesihatan
13	உடற்பயிற்சி உடம்புக்கான கவசம் Uṭaṟpayiṟci uṭampukkāṉa kavacam	Jaminan kesihatan
14	மாதாவுக்கு சுகமிருந்தால் கர்பத்திற்கும் சுகமுண்டு Mātāvukku cukamiruntāl karpattiṟkum cukamuṇṭu	Jaminan Kesihatan
15	மலம் தங்கினால் நலம் போச்சி, மலம் போனால் பலம் போச்சி Malam taṅkiṉāl nalam pōcci, malam pōṉāl palam pōcci	Jaminan kesihatan
16	காட்டுல புலியும் வீட்டுல புளியும் ஆளைக் கொல்லும். Kāṭṭula puliyum vīṭṭula puḷiyum āḷaik kollum.	Jaminan kesihatan

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2 *(sambungan)*

17	காலந் தாழ்த்தி மருந்து உண்டால், காலம் காலமாய் அவதி உண்டு Kālan tāḻtti maruntu uṇṭāl, kālam kālamāy avati uṇṭu	Penetapan waktu pengambilan ubat
18	காலை இஞ்சி கடும்பகல் சுக்கு மாலை கடுக்காய் Kālai iñci kaṭumpakal cukku mālai kaṭukkāy	Penetapan waktu pengambilan ubat
19	ஆயிரம் வேரைக் கொணர்ந்தவன் அரை வைத்தியன் Āyiram vēraik Koṇarntavaṉ arai vaittiyaṉ	Syarat dan kelayakan doktor perubatan tradisional

Jadual 4.2 menunjukkan perincian senarai peribahasa aspek pengajaran atau pedoman hidup. Pengkaji telah memilih sebanyak sembilan belas peribahasa Tamil berunsur perubatan daripada aspek pengajaran atau pedoman hidup. Peribahasa-peribahasa aspek ini memberikan pengajaran dan tunjuk ajar kepada masyarakat umum berdasarkan beberapa elemen kecil. Elemen-elemen tersebut adalah seperti disiplin pemakanan (larangan), jaminan kesihatan, penetapan waktu pengambilan ubat dan akhir sekali syarat dan kelayakan yang perlu ada pada diri seorang doktor perubatan tradisional (penilaian). Keempat-empat elemen tersebut ialah perkara yang dapat dilihat dalam kehidupan harian masyarakat terutamanya masyarakat Tamil di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Disiplin pemakanan merupakan salah satu elemen yang sangat penting dalam aspek pedoman hidup. Sebelas daripada sembilan belas peribahasa Tamil aspek pengajaran atau pedoman hidup mengandungi elemen disiplin pemakanan. Dalam bahagian ini disiplin pemakanan dilihat dalam bentuk larangan serta nasihat pengambilan jenis dan kuantiti makanan tertentu oleh masyarakat. Manakala, elemen kedua pula ialah jaminan kesihatan. Perbincangan elemen ini adalah berdasarkan nasihat yang diberikan oleh orang tua-tua berdasarkan aktiviti harian yang dilakukan oleh masyarakat umum. Pengkaji telah mengenal pasti sebanyak lima peribahasa Tamil yang membincangkan elemen ini. Seterusnya, elemen penetapan waktu pengambilan ubat pula dibincangkan melalui dua peribahasa. Elemen ini dianggap penting kerana waktu pengambilan ubat memainkan peranan yang penting dalam menyembuhkan penyakit. Akhir sekali, elemen syarat dan kelayakan seorang doktor perubatan tradisional (penilaian) pula terdapat dalam satu peribahasa sahaja yang dikenal pasti dan akan diperbincangkan dalam bahagian ini. Pembahagian elemen-elemen kecil seumpama ini membantu pengkaji memberikan penerangan serta membincangkan kepenggunaan setiap peribahasa berunsur perubatan secara lebih jelas dan kukuh.

4.2.2 Aspek Jenis Ubat

Aspek kedua pula berbincang tentang jenis ubat *(maruntu Vakai).* Memandangkan ubat adalah sesuatu yang penting dalam kehidupan masyarakat, maka pemilihan aspek ini oleh pengkaji adalah bersesuaian dengan keadaan semasa. Sebanyak empat belas peribahasa perubatan dikenal pasti dan dijadualkan seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3

Senarai Peribahasa Tamil Dari Aspek Jenis Ubat

Bil	பழமொழிகள் *(Paḻamoḻikaḷ)*	Kandungan (உட்கூறு / Uṭkūṟu)
1	ஆவாரை பூத்திருக்க சாவாரைக் கண்டதுண்டா Āvārai pūttirukka cāvāraik kaṇṭatuṇṭā	Jaminan kesihatan
2	ஆலுக்குப் பல் இருகும், வேலுக்குப் பல் அழகு பெறும் Ālukkup pal irukum, vēlukkup pal aḻaku peṟum	Jaminan kesihatan (gigi)
3	ஆலும் வேலும் பல்லுக்குறுதி : நாலும் இரண்டும் சொல்லுக்குறுதி Ālum vēlum pallukkuṟuti: Nālum iraṇṭum collukkuṟuti	Jaminan kesihatan (gigi)
4	கண்ணுக்குத் தெளிவு பொன்னாங்கண்ணி Kaṇṇukku teḷivu poṉṉāṅkaṇṇi	Jaminan kesihatan
5	பொன்னாங் கண்ணிக்கு புளியிட்டு ஆக்கினால் உண்ணா பொண்ணும் உலக்கு உண்ணும் Poṉṉāṅ kaṇṇikku puḷiyiṭṭu ākkiṉāl uṇṇā poṇṇum ulakku uṇṇum	Jaminan kesihatan

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3 *(sambungan)*

6	மாதா ஊட்டாத சோறு மாங்காய் ஊட்டும் *Mātā ūṭṭāta cōṟu māṅkāy ūṭṭum*	Jaminan kesihatan
7	சுக்கிற்கு மிஞ்சிய மருந்தும் இல்லை, சுப்ரமணியனுக்கு மிஞ்சிய கடவுளும் இல்லை Cukkiṟku miñciya maruntum illai, cupramaṇiyaṉukku miñciya kaṭavuḷum illai.	Kebaikan halia kering
8	சுக்கு அறியாத கஷாயம் உண்டா Cukku aṟiyāta kaṣāyam uṇṭā	Kebaikan halia kering
9	காய்ச்சலுக்கு சுக்குக் காப்பிக் குடி kāyccalukku cukkuk kāppik kuṭi	Kebaikan halia kering
10	பத்து மிளகு இருந்தால் பகைவன் வீட்டிலும் உண்ணலாம் Pattu miḷaku iruntāl pakaivaṉ vīṭṭilum uṇṇalām.	Herba penawar keracunan
11	நான்கு மிளகும் ஒரு வெத்திலையும் இருந்தால் பகைவன் வீட்டில் கூட உணவருந்தலாம் Nāṉku miḷakum oru vettilaiyum iruntāl pakaivaṉ vīṭṭil kūṭa uṇavaruntalām	Herba penawar keracunan

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3 *(sambungan)*

12	விசத்தைக் குடித்தவன் மிளகு நீர் குடிக்க வேண்டும் Vicattaik kuṭittavaṉ miḷaku nīr kuṭikka vēṇṭum	Herba penawar keracunan
13	வேலம் பட்டை பித்தத்தைப் போக்கும், ஆலம் பட்டை மேகத்தைப் போக்கும் Vēlam paṭṭai pittattaip pōkkum, ālam paṭṭai mēkattaip pōkkum	Unsur tenaga asas badan manusia
14	ஆற்று நீர் வாதம் போக்கும், அருவி நீர் பித்தம் போக்கும் சோற்று நீர் இரண்டும் போக்கும் Ārṟu nīr vātam pōkkum,aruvi nīr pittam pōkkum, cōṟṟu nīr iraṇṭum pōkkum.	Unsur tenaga asas badan manusia

Jadual 4.3 menunjukkan senarai peribahasa Tamil berunsur perubatan daripada aspek perbincangan jenis ubat. Sebanyak empat belas peribahasa Tamil dipilih daripada aspek ini. Peribahasa-peribahasa tersebut dikategorikan berdasarkan empat elemen kecil. Elemen- elemen tersebut ialah jaminan kesihatan, keunikan halia kering, penawar keracunan dan unsur tenaga asas diri manusia. Memandangkan unsur perubatan memainkan peranan yang penting dalam kajian ini, maka pemilihan peribahasa berdasarkan elemen kecil dalam aspek jenis ubat adalah dianggap tunjang utama dalam perbincangan pengkaji selanjutnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Elemen pertama dalam aspek jenis ubat ialah jaminan kesihatan. Elemen ini memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Tamil. Pengkaji telah memilih sebanyak enam peribahasa yang membincangkan elemen jaminan kesihatan. Keenam-enam peribahasa tersebut mengesyorkan beberapa bahan mentah berupa herba untuk mengubati penyakit seperti kencing manis, darah tinggi serta penjagaan gigi dan mata. Manakala, elemen kedua dalam aspek jenis ubat ialah keunikan halia kering. Sebanyak tiga peribahasa membincangkan elemen ini. Menurut peribahasa tersebut, halia kering dianggap sebagai salah satu bahan herba kering yang sering digunakan oleh ahli perubatan *Siddha* kerana keunikan dan kelebihannya.

Selain itu, pengkaji juga telah mengenal pasti tiga lagi peribahasa Tamil berunsur perubatan berdasarkan elemen penawar keracunan. Penawar keracunan dalam peribahasa tersebut merujuk kepada dua jenis bahan herba yang kerap digunakan oleh masyarakat Tamil, iaitu lada hitam dan sireh. Manakala elemen terakhir daripada aspek jenis ubat pula ialah unsur tenaga asas diri manusia. Badan manusia dibahagikan kepada tiga tenaga utama, iaitu Vātam, Pittam dan Kapam. Di dapati dua peribahasa Tamil telah dipilih oleh pengkaji berdasarkan elemen tersebut.

Pemilihan serta pembahagian peribahasa berdasarkan elemen-elemen kecil dari aspek jenis ubat oleh pengkaji adalah wajar dan sesuai. Hal ini kerana usaha pengkaji bertujuan untuk memantapkan lagi penjelasan serta hujah-hujah yang konkrit berkenaan unsur perubatan melalui peribahasa Tamil tersebut dalam bahagian berikutnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.3 Aspek Kesihatan Diri

Aspek kajian yang ketiga pula adalah berkaitan dengan kesihatan diri *(Uṭal Ārōkkiyam*. pengkaji telah mengenal pasti sebanyak sebelas peribahasa Tamil berunsur perubatan yang akan dibincangkan berdasarkan aspek ini. Berikut ialah senarai peribahasa aspek kesihatan diri.

Jadual 4.4

Senarai Peribahasa Tamil Dari Aspek Kesihatan Diri

Bil	பழமொழிகள் (Paḻamoḻikaḷ)	Kandungan (உட்கூறு Uṭkūṟu)
1	வெந்து கெட்டது முருங்கை வேகாமல் கெட்டது அகத்தி Ventu keṭṭatu muruṅkai vēkāmal keṭṭatu akatti	Jaminan kesihatan (nasihat)
2	குடல் புண் நலம் பெற அகத்திக்கீரை Kuṭal puṇ nalam peṟa akattikkīrai	Jaminan kesihatan (nasihat)
3	இளைத்தவனுக்கு எள்ளைக் கொடு ; கொளுத்தவனுக்கு கொள்ளைக் கொடு Iḷaittavaṉukku eḷḷaik koṭu; koḷuttavaṉukku koḷḷaik koṭu	Jaminan kesihatan (nasihat)

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4 *(sambungan)*

4	வெங்காயம் உண்போருக்குத் தன் காயம்;பழுதில்லை; தன் காயம் காக்க வெங்காயம் வேண்டும் Veṅkāyam uṇpōrukkut taṉ kāyam;paḻutillai; taṉ kāyam kākka veṅkāyam vēṇṭum	Jaminan kesihatan (nasihat)
5	வெட்டி வேரில் விசிறியும் விலாமிச்சை வேரில் தட்டியும் பண்ணு Veṭṭi vēril viciṟiyum vilāmiccai vēril taṭṭiyum paṇṇu	Jaminan kesihatan (nasihat)
6	ஒரு போது உண்பான் யோகி, இரு போது உண்பான் போகி, முப்போது உண்பான் துரோகி Oru pōtu uṇpāṉ yōki, iru pōtu uṇpāṉ pōki, muppōtu uṇpāṉ turōki	Kesihatan dan jangka hayat
7	நெல்லிக்கா தின்னாக் கொல்ல காலன் வரமாட்டான் Nellikkā tiṉṉāk kolla kālaṉ varamāṭṭāṉ	Kesihatan dan jangka hayat
8	பசியோடு அமர்ந்து பசியோடு எழு Paciyōṭu amarntu paciyōṭu eḻu	Hikmah berpuasa

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4 *(sambungan)*

9	கடுஞ்சளிக்கு சாப்பாடு மருந்து காய்ச்சளுக்கு பட்டினி மருந்து Kaṭuñcaḷikku cāppāṭu maruntu, kāyccaḷukku paṭṭiṉi maruntu	Hikmah berpuasa
10	சீரகம் இல்லா உணவும் சிறு குழந்தை இல்லா வீடும் சிறக்காது Cīrakam illā uṇavum ciṟu kuḻantai illā vi'iṭum ciṟakkātu	Kepentingan zuriat
11	இருப்பவன் இரும்பைத் திண்பான், போறவன் பொன்னைத் திண்பான் Iruppavaṉ irumpait tiṇpāṉ, pōṟavaṉ poṉṉait tiṇpāṉ	Keperluan asas Zat makanan

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4 menunjukkan senarai peribahasa Tamil berunsur perubatan daripada aspek kesihatan diri serta kandungannya. Kesihatan merupakan perkara asas dalam kehidupan manusia. Dalam bahagian ini, pengkaji telah mengenal pasti sebanyak sebelas peribahasa Tamil bagi tujuan kajian. Kandungan peribahasa-peribahasa tersebut memaparkan lima elemen perubatan. Sekali lagi elemen jaminan kesihatan kelihatan menonjol. Sebanyak lima peribahasa dipilih daripada elemen ini untuk tujuan perbincangan kajian. Elemen kedua pula ialah kesihatan dan jangka hayat seseorang. Sebanyak dua peribahasa telah di kenal pasti oleh pengkaji. Elemen seterusnya, hikmah berpuasa juga dibincangkan melalui dua peribahasa. Manakala, elemen keempat dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelima masing-masing di kenal pasti satu peribahasa sahaja, iaitu elemen kepentingan zuriat dan keperluan asas (zat makanan).

Didapati kelima-lima elemen yang dinyatakan dalam bahagian ini mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat umum. Kesihatan dan jangka hayat seseorang adalah penting bagi meneruskan kehidupan individu. Manakala, elemen zuriat pula menjamin status keibubapaan daripada pandangan orang lain. Hikmah berpuasa pula menjelaskan betapa kuatnya seseorang mengawal nafsu pemakanan demi kesihatan serta kesejahteraan hidup. Aktiviti berpuasa dijalankan dengan tujuan sembahyang serta satu bentuk atau cara untuk menunaikan nazar oleh masyarakat Tamil sejak zaman dahulu lagi. Akhir sekali, keperluan asas (zat makanan) merupakan satu elemen yang penting untuk menjamin kesejahteraan kehidupan seseorang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.4 Aspek Penyakit

Perbincangan aspek seterusnya ialah aspek penyakit *(nōy)*. Pengkaji hanya dapat mengenal pasti sebanyak tiga peribahasa sahaja dalam aspek ini. Berikut ialah senarai peribahasa Tamil daripada aspek penyakit.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5

Senarai Peribahasa Tamil Daripada Aspek Penyakit

Bil	பழமொழிகள் (Paḻamoḻikaḷ)	Kandungan (உட்கூறு Uṭkūṟu)
1	கணைக்குக் குளத்துக் கிடா கொடு Kaṇaikkuk kuḷattuk kiṭā koṭu	Disiplin pemakanan (galakan)
2	கணைக்கு வரி மாக்கான அறுத்துக் கறி வச்சுக் கொடு (பச்சை தவளை) Kaṇaikku vari mākkāṉa aṟuttuk kaṟi vaccuk koṭu (paccai tavaḷai)	Disiplin pemakanan (galakan)
3	மேகம் முற்றினால் வெள்ளை வெள்ளை முற்றினால் வெட்டை வெட்டை முற்றினால் கட்டை Mēkam murṟiṉāl veḷḷai, veḷḷai murṟiṉāl veṭṭai, veṭṭai murṟiṉāl kaṭṭai	Jaminan kesihatan (nasihat)

Bahagian ini menunjukkan senarai peribahasa berunsur perubatan daripada aspek penyakit. Penyakit merupakan sesuatu yang tidak dapat dipisahkan daripada manusia sejak zaman-berzaman. Namun demikian, pengkaji hanya dapat mencari dan mengenal pasti sebanyak tiga peribahasa yang mengisahkan aspek ini daripada bahan kajian utama, iaitu buku *பழமொழி அகராதி (Paḻamoḻi Akarāti).* Hal ini kerana masyarakat Tamil zaman dahulu mengamalkan budaya memakan sayur-sayuran yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berperanan sebagai herba dan ubat semula jadi. Dua daripada tiga peribahasa aspek penyakit membincangkan elemen disiplin pemakanan (galakan). Manakala, elemen jaminan kesihatan terkandung dalam satu peribahasa Tamil.

4.2.5 Aspek Psikologi

Aspek seterusnya adalah berkenaan psikologi *(maṉōtattuvam)*. Psikologi melibatkan perasaan dan pemikiran seseorang. Perbincangan aspek yang kelima, iaitu aspek psikologi adalah berdasarkan dua peribahasa Tamil sahaja. Pengkaji mengenal pasti peribahasa-peribahasa tersebut daripada bahan kajian utama pengkaji. Senarai peribahasa tersebut adalah seperti berikut;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6

Senarai Peribahasa Tamil Daripada Aspek Psikologi

Bil	பழமொழிகள் (Paḻamoḻikaḷ)	Kandungan (உட்கூறு Uṭkūṟu)
1	மிகுந்த மனக்கவலை இருந்தால் மருந்துக்குப் பலன் இல்லை Mikunta maṉakkavalai iruntāl maruntukkup palaṉ illai	Jaminan kesihatan
2	உடல் நிலை உள்ள நிலை அறிந்து மருந்து உண் Uṭal nilai uḷḷa nilai aṟintu maruntu uṇ	Keperluan asas Zat makanan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6 menunjukkan senarai peribahasa dan kandungan peribahasa daripada aspek psikologi. Peribahasa-peribahasa tersebut telah dibahagikan kepada dua elemen kecil sahaja yang dianggap penting dan sesuai dengan kajian ini. Elemen tersebut ialah keperluan asas zat makanan yang diperlukan oleh seseorang individu. Manakala satu lagi peribahasa Tamil daripada aspek psikologi disusun bawah elemen jaminan kesihatan. Didapati masyarakat Tamil dahulu mempunyai kepercayaan agama yang kuat. Oleh hal yang demikian, masyarakat zaman dahulu menggunakan ilmu jampi untuk mengatasi masalah-masalah psikologi. Mereka kurang memberikan perhatian terhadap peribahasa daripada aspek psikologi.

4.2.6 Aspek Pembedahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhir sekali ialah aspek Pembedahan *(*Aṟuvai Cikiccai). Dipercayai aspek pembedahan telah lama dipraktikkan dalam kalangan ahli perubatan Siddha. Namun demikian pengkaji hanya dapat dikenal pasti dua peribahasa sahaja di bawah aspek ini. Senarai peribahasa aspek Pembedahan adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.7

Senarai peribahasa Tamil daripada aspek pembedahan

Bil	பழமொழிகள் (Paḻamoḻikaḷ)	Kandungan (உட்கூறு Uṭkūṟu)
1	துக்கத்தைச் சொல்லி ஆற்ற வேண்டும்: கட்டியைக் கீறி ஆற்ற வேண்டும். Tukkattaic colli āṟṟa vēṇṭum: Kaṭṭiyaik kīṟi āṟṟa vēṇṭum.	Pembedahan
2	நெருப்பு சுட்ட காயத்திலே தேளும் கொட்டினார் போன்று Neruppu cuṭṭa kāyattilē tēḷum koṭṭiṉār pōṉṟu	Pembedahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.7 menunjukkan pemilihan peribahasa Tamil dan kandungannya daripada aspek Pembedahan (அறுவைச் சிகிச்சை). Pembedahan sememangnya melibatkan penggunaan bahan-bahan yang tajam seperti jarum, pisau, gunting dan sebagainya. Terdapat dua peribahasa yang membincangkan elemen ini, Elemen pembedahan ini adalah penting bagi masyarakat Tamil sejak zaman dahulu, mahupun bagi masyarakat zaman moden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Perbincangan Peribahasa Tamil Berdasarkan Kearifan Perubatan Tradisional.

Dalam bahagian ini, pengkaji akan mengupaskan perbincangan dan penganalisisan kepenggunaan serta makna peribahasa berunsur perubatan. Perbincangan akan dilakukan berdasarkan enam aspek perubatan yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Enam aspek tersebut ialah pengajaran atau pedoman hidup (வாழ்க்கைக் குறிப்பு), jenis ubat (மருந்து வகை), kesihatan diri (உடல் ஆரோக்கியம்), penyakit (நோய்), psikologi (மனோதத்துவம்) dan Pembedahan (அறுவைச் சிகிச்சை) dan aspek ini akan dibincangkan secara terperinci oleh pengkaji.

4.3.1 Peribahasa Tamil Berunsur Perubatan Tradisional Daripada Aspek Pengajaran Atau Pedoman Hidup *(Vāḻkkaik kuṟippu)*

Pengajaran atau pedoman hidup *(Vāḻkkaik kuṟippu)* adalah sesuatu yang penting dalam kehidupan setiap insan. Menurut *Kamus Dewan* edisi keempat (2015:21), perkataan pengajaran adalah segala sesuatu (cara, perbuatan dll) yang diajarkan, manakala pedoman pula bermaksud sesuatu yang dijadikan asas atau pegangan (2015:1158). Pengajaran atau pedoman hidup daripada orang tua akan memberikan tunjuk ajar yang tidak ternilai dalam membina kehidupan sempurna oleh setiap manusia dalam dunia ini. Pernyataan ini telah dijelaskan oleh nenek moyang masyarakat Tamil beribu-ribu tahun dahulu melalui peribahasa secara umum. Sebagai contohnya, peribahasa Tamil seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

புத்தகம் இல்லாத வீடு சன்னல் இல்லாத இருட்டறை போன்றது

Puttakam illāta vīṭu caṉṉal illāta iruṭṭaṟai pōṉṟatu

(Ragunathan, 1993:66)

yang membawa maksud bahawa rumah tanpa buku umpama rumah tanpa cahaya. Maksud simboliknya ialah pendidikan bertindak sebagai pelita kehidupan sesuatu masyarakat. Seterusnya, peribahasa Tamil

ஆழமான அறிவே அழகான வாழ்வை அமைக்கும்

Āḻamāṉa aṟivē aḻakāṉa vāḻvai amaikkum.

(Ragunathan, 1993:78)

Peribahasa ini turut menegaskan kepentingan ilmu. Maksud peribahasa ini ialah pengetahuan yang mendalam akan membantu manusia membina kehidupan yang sempurna.

Kedua-dua peribahasa tersebut jelas menunjukkan bahawa peribahasa ialah sastera lisan yang membantu dan memimpin manusia ke arah yang betul. Konsep yang sama juga dapat dilihat melalui sastera berbentuk tulisan, iaitu melalui திருக்குறள் (*Tirukkuṟaḷ)* yang juga menerangkan unsur-unsur pengajaran atau pedoman kehidupan. Sebagai contohnya திருக்குறள் (*Tirukkuṟaḷ)* yang ke 441 berbunyi,

அறனறிந்து மூத்த அறிவுடையார் கேண்மை
திறனறிந்து தேர்ந்து கொளல்

Aṟaṉaṟintu mūtta aṟivuṭaiyār kēṇmai
tiṟaṉaṟintu tērntu koḷal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Kanniyappa Naicker. R, 2011:295)

Kuṟaḷ ini bermaksud seseorang itu perlu akur pada nasihat orang tua yang berpengalaman dan mengamalkan nilai serta menjalin persahabatan dengan orang yang memiliki pengetahuan yang lebih matang.

Walau bagaimanapun, pengajaran melalui peribahasa telah diterima umum kerana peribahasa adalah sesuatu yang ringkas, padat dengan pengajaran dan dari sumber yang lama. Peribahasa merupakan sastera lisan yang wujud lebih awal, iaitu sebelum masyarakat Tamil mengenali bentuk tulisan. Dalam bahagian ini, pengkaji akan mengupas dan menjelaskan pengajaran atau pedoman hidup melalui peribahasa Tamil berdasarkan bidang perubatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1.1 Pemakanan Seimbang

Masyarakat Tamil lama berpegang kuat pada sistem அளவுச் சாப்பாடு (*Aḷavuc cāppāṭu*) bermaksud pemakanan seimbang dalam kehidupan harian mereka. Mengikut tradisi masyarakat Tamil, sistem pemakanan seimbang ialah satu amalan yang diwarisi sejak turun temurun untuk menjamin kesihatan diri. Oleh sebab mereka berpegang teguh pada sistem ini, mereka tidak akan berganjak kepada pemakanan berlebihan walaupun makanan tersebut lebih sedap dan sukar diperoleh. Amalan pemakanan ini jelas dilihat melalui peribahasa Tamil yang berbunyi “அளவுக்கு மிஞ்சினால்

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

அமிர்தமும் நஞ்சு" *(Aḷavukku miñciṉāl amirtamum nañcu, Anavarathanayakam Pillai, 1998:29)*

Menurut kamus *Kriyavin Tatkala Tamil Akarathy*, *Aḷavu* (அளவு) (1999:55) merupakan istilah bahasa Tamil yang merujuk pada kuantiti sesuatu barang ataupun makanan. Manakala, *miñciṉāl* (மிஞ்சி) (1999:831) membawa maksud melebihi. Sementara, *amirtam* (அமிர்தம்) (1999:35) merupakan sejenis makanan mulia yang hanya boleh dimakan oleh para Dewa. Istilah *nañcu* (நஞ்சு) (1999:601) pula membawa maksud racun. Secara keseluruhannya, peribahasa Tamil அளவுக்கு மிஞ்சினால் அமிர்தமும் நஞ்சு *(Aḷavukku miñciṉāl amirtamum nañcu, Anavarathanayakam Pillai, 1998:29)* menjelaskan bahawa, *Nām uṇṇum uṇavāṉatu amirtamākavē iruntālum aḷavāka uṇṇa vēṇṭum. Appaṭi illaiyeṉil atu vicamāka māṟiviṭum* (Tamilpriyan, 2012:5). நாம் உண்ணும் உணவானது அமிர்தமாகவே இருந்தாலும் அளவாக உண்ண வேண்டும். அப்படி இல்லையெனில் அது விசமாக மாறிவிடும்.

Membawa maksud,

Amalan pemakanan yang berlebihan akan menjadi racun atau berbahaya kepada seseorang individu serta boleh menyebabkan pelbagai jenis penyakit. Maka, masyarakat Tamil dinasihatkan supaya mengambil makanan dalam kuantiti yang secukupnya sahaja, walaupun makanan tersebut berkualiti tinggi dan sukar untuk didapati.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berikut ialah திருக்குறள் *Tirukkuṟaḷ*-dalam bahagian பொருட்பால் *Poruṭpāl,* yang ke 475 membawa maksud yang sama dengan peribahasa tersebut.

பீலிபெய் சாகாடும் அச்சிறும் அப்பண்டஞ்
சால மிகுத்துப் பெயின்.

Pīlipey cākāṭum acciṟum appaṇṭañ
cāla mikuttup peyiṉ.

(Kanniyappa Naicker. R, 2011:319)

மயிலிறகு ஏற்றிய வண்டியே ஆனாலும், அந்த பண்டமும் (அளவோடு ஏற்றாமல்) அளவு கடந்து மிகுதியாக ஏற்றினால் அச்சு முறியும் (*Mayiliṟaku ēṟṟiya vaṇṭiyē āṉālum, anta paṇṭamum (aḷavōṭu ēṟṟāmal) aḷavu kaṭantu mikutiyāka ēṟṟiṉāl accu muṟiyum). Kuṟaḷ* ini membawa maksud walaupun kenderaan dimuatkan bulu merak yang ringan, kenderaan tersebut akan menjadi rosak apabila dimuatkan dalam kuantiti yang banyak. Pendek kata, sesuatu yang berlebihan pasti membawa kesan buruk.

Pernyataan yang sama dengan peribahasa tersebut diutarakan oleh Velayutham MGL,dalam bukunya yang bertajuk *நலமோடு வாழ எளிய வழிகள் (Nalamōṭu vāḻa eḷiya vaḻikaḷ* iaitu,

நாம் உண்ணும் உணவு நமக்கு நன்மை செய்ய
வேண்டுமானால் அளவோடு உண்ண வேண்டும்
என்கிற அடிப்படை விதியை மறந்துவிடக் கூடாது.

Nām uṇṇum uṇavu namakku naṉmai ceyya
vēṇṭumāṉāl aḷavōṭu uṇṇa vēṇṭum
eṉkiṟa aṭippaṭai vitiyai maṟantuviṭak kūṭātu.

(Velayutham MGL, 2018:87)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1.2 Kuantiti

Menurutnya, masyarakat tidak harus melupakan syarat asas pemakanan seperti makan makanan dengan kuantiti yang betul supaya membawa manfaat kepada diri sendiri. Selain itu, Velayutham MGL, juga menyatakan bahawa makanan seimbang adalah perlu bagi seseorang untuk menjamin kesejahteraan hidup serta tidak harus di ambil dalam kuantiti makanan berlebihan walaupun makanan tersebut sedap dan enak. Cadangannya adalah seperti berikut;

அரை வயிறு உணவு, கால் வயிறு தண்ணீர், கால் வயிறு வெற்றிடம்

Arai vayiṟu uṉavu, kāl vayiṟu taṇṇīr, kāl vayiṟu verṟiṭam

(Velayutham, M.G.L, 2018:87)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Velayutham MGL,seseorang itu perlu makan dengan kuantiti makanan yang mengisi separuh daripada isi perut sahaja, minum air dalam kuantiti satu per empat, manakala satu per empat lagi daripada isi perutnya perlu dikosongkan. Pendek kata, masyarakat dilarang untuk makan dan minum sehingga perut menjadi kenyang. Malah, perlu ada ruang kosong dalam perut untuk memudahkan kerja-kerja penghadaman. Selain itu, amalan pengambilan makanan dan minuman dalam kuantiti yang ditetapkan seperti ini akan membantu masyarakat bergerak aktif. Sebaliknya, jika masyarakat mengamalkan cara memakan dan minum sehingga perut penuh, maka mereka akan berasa letih dan mengantuk serta malas bekerja selepas makan. Di samping itu, berat badan mereka juga akan meningkat secara mendadak. Segala nasihat yang dinyatakan oleh pengamal perubatan Siddha melalui buku itu seiring dengan peribahasa Tamil yang disebut di atas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sistem pemakanan masyarakat Tamil lama berdasarkan peribahasa அளவுக்கு மிஞ்சினால் அமிர்தமும் நஞ்சு *(Aḷavukku miñciṉāl amirtamum nañcu)* tadi membawa erti secara simbolik, iaitu pemakanan berlebihan akan menyebabkan masalah obesiti yang menjadi asas kepada segala jenis penyakit seperti lemah jantung, kencing manis, darah tinggi dan sebagainya. Pernyataan ini terbukti melalui pandangan yang dinyatakan oleh Ramasamy, L. dalam buku berjudul *திருக்குறளில் மருந்து* (*Tirukkuṟaḷil maruntu*) seperti berikut:

> ஒருவனுடைய தீயளவு (கலோரி சக்தி) அவனுடைய வயது, பருமன், செய்யும் தொழில், காலம் இவற்றின் அடிப்படையில் நிர்ணயிக்கப்படுவதாகும். இந்த அலவை நன்கறிந்து உணவு கொள்தல் இயற்கை நியதி. இதை அறியாது போவது பல நோய்க்கு வழி காட்டுவதாகும்.
>
> *Oruvaṉuṭaiya tīyaḷavu (kalōri cakti) avaṉuṭaiya vayatu, parumaṉ, ceyyum toḻil, kālam ivaṟṟiṉ aṭippaṭaiyil nirṇayikkappaṭuvatākum. Inta alavai naṉkaṟintu uṇavu koḷtal iyaṟkai niyati. Itai aṟiyātu pōvatu pala nōykku vaḻi kāṭṭuvatākum.*
>
> (Ramasamy. L, 2001:16)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, pernyataan yang sama berkenaan pengambilan makanan berkuantiti serta kesan buruknya juga dapat dilihat melalui *kuṟaḷ-kuṟaḷ* berikut. திருக்குறள் *Tirukkuṟaḷ-*பொருட்பால் *Poruṭpāl,* yang ke 479 berbunyi:

> அளவறிந்து வாழாதான் வாழ்க்கை உளபோல
> இல்லாகித் தோன்றாக் கெடும்
>
> Aḷavaṟintu vāḻātāṉ vāḻkkai uḷapōla
> illākit tōṉṟāk keṭum
>
> (Kanniyappa Naicker. R, 2011:322)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.5 Perbincangan Peribahasa Tamil Berunsur Perubatan Tradisional daripada Aspek Psikologi (maṉōtattuvam)

Seorang pesakit akan mengharungi pelbagai keadaan semasa menghadapi masalah kesihatan. Sebagai contohnya, seorang pesakit sentiasa dalam keadaan resah, pemikiran yang kusut, lemah semangat, lemah badan, gelisah dan sebagainya. Apabila seorang pesakit dalam keadaan sedemikian, maka usaha perawatan tidak akan membawa kesan positif terhadapnya. Seorang pesakit seharusnya tabah menghadapi segala dugaan serta cabaran hidup bagi menangani masalah kesihatan tubuh badan dan pengambilan ubat juga akan memberi kesan positif. Pernyataan ini jelas diperkatakan oleh masyarakat cerdik pada zaman dahulu melalui peribahasa Tamil seperti berikut:

மிகுந்த மனக்கவலை இருந்தால் மருந்துக்குப் பலன் இல்லை
Mikunta maṉakkavalai iruntāl maruntukkup palaṉ illai

(Anavarathanayakam Pillai, 1998:132)

Oru nōyāḷi ennēramum maṉakkavalaiyōṭu irukkakkūṭātu. Māṟāka uṭal nōy toṭarpāṉa piraccaṉaiyai nitāṉamāka yōcittu tīrvaik kāṇa muyala vēṇṭum, illaiyeṉil nōy tīrkka eṭuttukkoḷḷum maruntukaḷum palaṉaḷikkātu. Maṉatai oru nilaippaṭuttiṉāl maṭṭumē palaṉ kiṭaikkum eṉpatai ippaḻamoḻiyiṉ mūlam uṇarttappaṭukiṟatu. (Swaminathan, 2016:58). ஒரு நோயாளி எந்நேரமும் மனக்கவலையோடு இருக்கக்கூடாது. மாறாக உடல் நோய் தொடர்பான பிரச்சனையை நிதானமாக யோசித்து தீர்வைக் காண முயல வேண்டும், இல்லையெனில் நோய் தீர்க்க எடுத்துக்கொள்ளும் மருந்துகளும் பலனளிக்காது. மனதை ஒரு

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

நிலைப்படுத்தினால் மட்டுமே பலன் கிடைக்கும் என்பதே இப்பழமொழியின் மூலம் உணர்த்தப்படுகிறது.

Pendeta *Akattiyar* telahpun menyatakan keberkesanan pemikiran yang waras dan tenang yang perlu dimiliki oleh seseorang terhadap kesihatan tubuh badan sendirinya. Sikap waras seseorang akan membantu menyelesaikan segala masalah rumit yang dihadapi oleh manusia. Pernyataan ini tertera dalam buku berjudul *Akastiyar ñāṉam (*அகஸ்தியர் ஞானம்) dalam bentuk puisi seperti berikut:

மனமது செம்மையானால் மந்திரம் செபிக்க வேண்டாம்
மனமது செம்மையானால் வாயுவை உயர்த்த வேண்டாம்
மனமது செம்மையானால் வாசியை நிறுத்த வேண்டாம்
மனமது செம்மையானால் மந்திரஞ் செம்மையாமே

Maṉamatu cem'maiyāṉāl mantiram cepikka vēṇṭām
maṉamatu cem'maiyāṉāl vāyuvai uyartta vēṇṭām
maṉamatu cem'maiyāṉāl vāciyai niṟutta vēṇṭām
maṉamatu cem'maiyāṉāl mantirañ cem'maiyāmē"

(Mogan. R.C, 2015:10)

Maṉatai aṭakki vāḻak kaṟṟukkoṇṭāl, maṉitaṉ uṭal ārōkkiyattiṟkāka mantiram collavō uṭalil uḷḷa vāyuvai akaṟṟavō atirṣṭattai cōtikkavō tēvaiyillai. Māṟāka oru maṉitaṉiṉ ellā vakai uṇarvukaḷaiyum oru kaṭṭuppāṭṭil vaittiruntāl aṉaittum ciṟappāka amaiyum eṉpataṉai āyiram āṇṭukaḷukku muṉpē akattiyar eḻuti vaittuḷḷār. Āṉāl, nām iṉṟu varai ataṉai aṟiyāmal maṉanala maruttuvarai nāṭic ceṉṟu koṇṭirukkiṟōm eṉpatai ivvarikaḷiṉ mūlam aṟiya muṭikiṟatu, (Mogan.R.C, 2015:10). மனதை அடக்கி வாழக் கற்றுக்கொண்டால், மனிதன் உடல் ஆரோக்கியத்திற்காக மந்திரம் சொல்லவோ உடலில் உள்ள வாயுவை அகற்றவோ அதிர்ஷ்டத்தை சோதிக்கவோ

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

தேவையில்லை. மாறாக ஒரு மனிதனின் எல்லா வகை உணர்வுகளையும் ஒரு கட்டுப்பாட்டில் வைத்திருந்தால் அனைத்தும் சிறப்பாக அமையும் என்பதனை ஆயிரம் ஆண்டுகளுக்கு முன்பே அகத்தியர் எழுதி வைத்துள்ளார். ஆனால், நாம் இன்று வரை அதனை அறியாமல் மனநல மருத்துவரை நாடிச் சென்று கொண்டிருக்கிறோம் என்பதை இவ்வரிகளின் மூலம் அறிய முடிகிறது.

Perkara yang sama dinyatakan melalui peribahasa seterusnya, iaitu:

உடல் நிலை உள்ள நிலை அறிந்து மருந்து உண்

Uṭal nilai uḷḷa nilai aṟintu maruntu uṇ

(Anavarathanayakam Pillai, 1998:132)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oru nōyāḷi, avaratu uṭal maṟṟum maṉanilaikku ēṟpavē maruntu uṭkoḷḷa vēṇṭum. Illaiyeṉil maruntu uṇpatil evvita payaṉum irukkātu, (Swaminathan, 2016:58). *ஒரு நோயாளி, அவரது உடல் மற்றும் மனநிலைக்கு ஏற்பவே மருந்து உட்கொள்ள வேண்டும். இல்லையெனில் மருந்து உண்பதில் எவ்வித பயனும் இருக்காது.*

Peribahasa ini bermaksud, seorang pesakit harus mengambil ubat yang sesuai dengan diri sendiri. Malahan, pesakit juga harus memahami keadaan serta keperluan fizikal dan hati sebelum mengambil ubat. Tindakan ini akan membantu seseorang itu supaya sembuh seawal mungkin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, pernyataan berkenaan peribahasa ini telah ditulis oleh para pendeta melalui puisi klasik dalam kitab *Puṟanāṉūṟu* (புறநானூறு), yang disusun oleh Manikka Vasakan, (2014) seperti berikut:

மருப்பு யாழோடு பல்லியங் கறங்கக்
கைபயப் பெயர்த்து கையிழு திழுகி
ஐயவி சிதறி ஆம்பல் ஊதி
இசைமணி யெரிந்து காஞ்சிப்பாடி

Maruppu yāḻōṭu palliyaṅ kaṟaṅkak
kaipayap peyarttu kaiyiḻu tiḻuki
icaimaṇi yerintu kāñcippāṭi

*(*Manikka Vasakan, 2014 : 371-372)

Eṉum puṟanāṉūṟṟup pāṭalil vēntaṉukkāka viḻuppuṇ ēṟṟa vīraṉiṉ maṉanilaikku ēṟpa yāḻiṉai icaittavāṟu avaṉatu puṇṇai āṟṟiṉar, enpataṉai aṟiyalām, Manikka Vasakan, (2014:371-372). எனும் புறநானூற்றுப் பாடலில் வேந்தனுக்காக விழுப்புண் ஏற்ற வீரனின் மனநிலைக்கு ஏற்ப யாழினை இசைத்தவாறு அவனது புண்ணை ஆற்றினர், என்பதனை அறியலாம்.

Puisi ini bermaksud muzik merupakan satu sumber yang boleh menyembuhkan penyakit yang melibatkan perasaan dan fizikal seorang pesakit. Secara simboliknya dikatakan bahawa masyarakat tidak perlu merujuk pakar psikologi untuk mengatasi masalah konflik jiwa berkenaan penyakit yang dihidapi malahan boleh mengatasi masalah tersebut jika dapat mengawal perasaan dengan mendengar muzik dan lagu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.5.1 Rumusan

Peribahasa-peribahasa berunsur perubatan daripada konteks psikologi dapat dirumuskan bahawa unsur perubatan melalui peribahasa Tamil dipercayai khazanah yang ternilai ditinggalkan kepada generasi masa ini oleh para ahli *Siddha*. Para pengamal perubatan tradisional mempraktikkan sistem perubatan tradisional dengan menasihati pesakit berdasarkan peribahasa Tamil. Pendek kata, kehidupan sempurna adalah kehidupan tanpa penyakit tidak kira dari segi badan mahupun psikologi seseorang. Segala data serta kandungan peribahasa Tamil berunsur perubatan dari konteks psikologi telah dibincang dan dijelaskan dengan bukti yang kukuh dalam bahagian ini. Segala bukti diambil dan dianalisis daripada buku-buku ilmiah yang dihasilkan oleh pakar perubatan tradisional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.5.2 Analisis Kepenggunaan Peribahasa Berdasarkan Kandungan

Dalam bahagian ini kesemua peribahasa aspek psikologi yang diperbincangkan tadi akan di kategorikan mengikut satu skop yang umum sahaja seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15

Bilangan dan peratusan kandungan peribahasa aspek Psikologi

Kategori	**Bilangan**	**Peratusan (peratus)**
Kawalan perasaan	2	100
Jumlah	**2**	**100**

Jadual 4.15 memaparkan bilangan dan peratusan peribahasa Tamil daripada aspek psikologi yang mewakili satu kategori. Terdapat dua peribahasa persamaan dengan 100 peratus mewakili skop kawalan perasaan. Kedua-dua peribahasa yang dibincangkan oleh para pendeta lebih menekankan perasaan pesakit dalam mengubati penyakit seseorang tanpa ubat. Psikologi memainkan peranan penting dalam penjagaan kesihatan seseorang. Hal ini kerana perasaan seseorang cepat terpengaruh dengan keadaan sekelilingnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.6 Perbincangan Peribahasa Tamil Berunsur Perubatan Tradisional daripada Aspek Pembedahan (Aṟuvai cikiccai)

Masyarakat umum beranggapan bahawa pembedahan merupakan satu cara perubatan moden. Pembedahan melibatkan benda-benda tajam seperti pisau, jarum, gunting dan sebagainya. Masyarakat juga beranggapan peralatan pembedahan hanya boleh diperoleh pada zaman moden bukan pada zaman dahulu. Pembedahan biasanya dilakukan bagi luka-luka yang besar dan serius. Pahlawan-pahlawan yang terlibat dengan peperangan akan mengalami kecederaan parah. Luka para pahlawan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kebiasaannya akan dijahit terlebih dahulu dengan jarum kemudiannya disapu ubat berupa daun yang dipercayai boleh menyembuhkan luka parah dengan cepat.

Namun demikian, pembedahan sebenarnya merupakan satu teknologi yang telah lama wujud dan dipraktikkan dalam perubatan tradisional masyarakat Tamil. Usia teknologi pembedahan dianggarkan beribu-ribu tahun lama oleh para pendeta. Terdapat beberapa bukti bahawa pembedahan pernah dijalankan pada zaman dahulu. Antara bukti kukuh berkenaan teknologi pembedahan adalah melalui sastera lisan yang dianggap tertua, iaitu peribahasa Tamil. Berikut ialah peribahasa yang membincangkan dan membuktikan pernyataan tentang usia teknologi pembedahan tersebut. Lihat peribahasa ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

துக்கத்தைச் சொல்லி ஆற்ற வேண்டும்: கட்டியைக் கீறி ஆற்ற வேண்டும்.

Tukkattaic colli ā̲r̲ra vēṇṭum: Kaṭṭiyaik kī̲ri ā̲r̲ra vēṇṭum.

(Anavarathanayakam Pillai, 1998:132)

Peribahasa diatas bermaksud, seseorang yang bersedihan perlu meluahkannya kepada orang yang dipercayai. Tindakan seumpama ini sedikit sebanyak membantu seseorang itu rasa lega dan dapat idea baru mengatasi masalah yang dihadapainya. Manakala, ketumbuhan bisul pula perlu digores dengan benda tajam seperti jarum dan gunting. Nanah yang terdapat dalam bisul tersebut perlu dikeluarkan supaya keadaan pesakit menjadi stabil, (Naakurkani, 2000:106).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peribahasa seterusnya menerangkan penggunaan kapas untuk membersihkan luka akibat kebakaran. Seorang mangsa kebakaran akan berhadapan dengan masalah sakit disebabkan terlampau lama berbaring. Rasa sakitnya seperti dipatuk kala jengking. Berikut adalah salah satu peribahasa Tamil yang menerangkan kerumitan seoarang pesakit yang terkena api dan lama terlantar di hospital.

நெருப்பு சுட்ட காயத்திலே தேளும் கொட்டினார் போல

Neruppu cuṭṭa kāyattilē tēḷum koṭṭiṉār pōla

(Anavarathanayakam Pillai, 1998:132)

Peribahasa ini bermaksud, seorang pesakit yang terkena api akan rasa pedih di tempat luka umpama dipatuk kala jengking. Maksudnya, sakitnya yang teramat sangat, (Naakurkani, 2000:115). Di dapati kedua-dua peribahasa tadi menerangkan aktiviti pembedahan yang dilakukan oleh masyarakat Tamil lama. Terdapat juga puisi-puisi klasik yang mengukuhkan pernyataan berkenaana cara bagaimana para ahli Siddha mengubati luka akibat kebakaran serta luka disebabkan baring terlalu lama. Penggunaan bahan pembedahan seperti kapas ada dinyatakan melalui puisi tersebut. Berikut ialah puisi klasik daripada kitab *Kamparāmāyaṇam* (கம்பராமாயணம்) yang memaparkan teknologi pembedahan pada zaman dahulu.

உடலிடைத் தோன்றிற் றொற்றை
அறுத்ததின் உதிரம் மூற்றிச்
துடறுறச் சுட்டு வேறொர்
மருந்தினால் துயரம் தீர்வர்"
(கும்பகர்ணன் வதைப்படலம் 146)

Uṭaliṭait tōṉṟiṟ ṟoṟṟai
aṟuttatiṉ utiram mūṟṟic

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tuṭaṟuṟac cuṭṭu vēṟor
maruntiṉāl tuyaram tīrvar"
(Kumpakarṇaṉ vataippaṭalam 146)

(Narayanavelupillai, 2006:594)

Vipīṭaṇaṉ kumpakarṇaṉiṭam"uṭalil tōṉṟiya toḷukaḷal (kaḷalaik kaṭṭi) puṇṇai ataṉ viṣa nīr uṭalil paravātapaṭi aṟuttu, atiluḷḷa acuttamāṉa utirattai veḷiyēṟṟi, kārattaip porunta vaittuc cuṭṭi, ulartti ataṟkuriya vēṟoru maruntiṉāl tuyaram nīṅkap peṟuvārkaḷ" Eṉṟu kamparāmāyaṇam kūṟukiṟatu, (Narayanavelupillai, 2006:594). உடலில் தோன்றிய தொளுகழல் (கழலைக் கட்டி) புண்ணை அதன் விஷ நீர் உடலில் பரவாதபடி அறுத்து, அதிலுள்ள அசுத்தமான உதிரத்தை வெளியேற்றி, காரத்தைப் பொருந்த வைத்துச் சுட்டி, உலர்த்தி அதற்குரிய வேறொரு மருந்தினால் துயரம் நீங்கப் பெறுவார்கள், என்று கம்பராமாயணம் கூறுகிறது.

Puisi ini bermaksud, bisul yang tumbuh pada badan seseorang perlu digores dan dilap dengan kapas supaya air nanah yang terkeluar daripada bisul tidak merebak ke bahagian badan yang lain. Seterusnya disapu dengan ubat dan di balut dengan kain yang sesuai supaya luka tersebut akan kering dan sembuh secepat mungkin.

Seterusnya puisi,

செருவாய் உழக்கிக் குருதி ஓட்டிக்
கதுவாய் போகிய துதிவாய் எஃகமொடு
பஞ்சியும் களையாப் புண்ணர்
அஞ்சுதகவு உடையவர் இவள் தன்னை மாரே
Ceruvāy uḻakkik kuruti ōṭṭik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

katuvāy pōkiya tutivāy eḥkamoṭu
Pañciyum kaḷaiyāp puṇṇar
añcutakavu uṭaiyavar ivaḷ taṉṉai mārē

(Manikka Vasakan, 2014 : 453)

Kāyampaṭṭa puṇṇukku pañcu vaittuk kaṭṭum maruttuva vaḻakkam akkālattil iruntatu eṉpatai, ip puṟanāṉūṟṟuk kavitai kūṟukiṟatu, (Manikka Vasakan, 2014:453). காயம்பட்ட புண்ணுக்கு இரத்தத்தைத் துடைத்துப் பஞ்சு வைத்துக் கட்டும் மருத்துவ வழக்கம் அக்காலத்தில் இருந்தது என்பதை, இப் புறநானூற்றுக் கவிதை கூறுகிறது. Puisi ini membawa maksud bahawa, terdapat teknologi pembedahan sejak dari zaman dahulu lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kedua-dua puisi tersebut dihasilkan oleh para pendeta zaman dahulu berdasarkan peribahasa Tamil. Peribahasa serta puisi klasik membuktikan bahawa para pengamal perubatan tradisional mahir dalam bidang pembedahan. Puisi tersebut dihasilkan dengan niat supaya generasi moden menghargai kepakaran masyarakat zaman dahulu.

4.3.6.1 Rumusan

Peribahasa-peribahasa yang dibincangkan dalam bahagian ini adalah daripada aspek pembedahan yang di tinggalkan oleh nenek moyang. Peribahasa-peribahasa tersebut dijaga kerana dianggap khazanah yang bernilai kepada masyarakat Tamil. Segala pengajaran perubatan daripada aspek pembedahan dapat di lihat dan dipraktikkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melalui peribahasa Tamil. Kesemua data serta kandungan peribahasa Tamil dari aspek pembedahan telah dijelaskan dengan bukti yang kukuh dalam bahagian ini. Segala bukti tersebut diambil dan dianalisis daripada buku-buku ilmiah serta hasil kajian para cendekiawan dan *Siddha.*

4.3.6.2 Analisis Kepenggunaan Peribahasa Berdasarkan Kandungan

Dalam bahagian ini kesemua peribahasa aspek pembedahan yang diperbincangkan tadi akan di kategorikan mengikut satu skop yang umum sahaja seperti berikut:

Jadual 4.16

Bilangan dan peratusan kandungan peribahasa aspek Pembedahan (Aṟuvai cikiccai)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kategori	**Bilangan**	**Peratusan (%)**
Pembedahan	2	100
Jumlah	**2**	**100**

Jadual 4.16 menunjukkan bilangan dan peratusan peribahasa Tamil berdasarkan satu kategori bawah aspek Pembedahan (Aṟuvai cikiccai). Terdapat dua peribahasa persamaan dengan 100 peratus mewakili kategori pembedahan. didapati peribahasa yang dibincangkan oleh para pendeta lebih mengutamakan teknologi pembedahan oleh para pengamal perubatan tradisional. Pembedahan memainkan peranan penting pada zaman dahulu terutama semasa berlaku peperangan mahupun penyakit disebabkan bencana alam seperti kebakaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Kesimpulan

Setelah selesai menjalankan kajian berdasarkan objektif pertama dan objektif kedua, pengkaji berjaya mengenal pasti unsur-unsur perubatan serta menganalisis kategori perubatan tradisional masyarakat Tamil yang terdapat dalam peribahasa Tamil. Pemilihan peribahasa berunsur perubatan dalam kajian ini adalah daripada buku berjudul Pa̲lamo̲li Akarāti (பழமொழி அகராதி). Buku ini telah disusun oleh (Anavarathanayakam Pillai, 1998) yang di gunakan sebagai bahan kajian utama dalam kajian ini. Di samping itu, pengkaji juga dapat mengupaskan kearifan perubatan tradisional masyarakat Tamil dalam peribahasa Tamil dengan merujuk pada bahan kajian lalu serta buku-buku ilmiah yang ada kaitan dengan kajian ini.

Di dapati, kehidupan sesebuah masyarakat dan tatacara mereka akan bertindak terhadap persekitaran mereka dalam menguruskan kehidupan yang sihat sejahtera. Malahan, kehidupan sesebuah masyarakat akan dinilai berdasarkan kesihatan diri. Selain itu, pembelajaran perubatan tradisional merupakan identiti asal masyarakat Tamil sejak zaman-berzaman. Pendapat ini memperlihatkan hubungan antara budaya dengan pembelajaran perubatan tradisional menerusi peribahasa Tamil.

Segala pengetahuan perubatan tradisional diperturunkan dalam bentuk sastera lisan iaitu peribahasa Tamil daripada seorang individu kepada individu yang lain sebagai warisan. Seterusnya masyarakat Tamil lama mengumpul dan menjaga segala nota perubatan tradisional dengan lebih teliti. Salah satu bahan adalah peribahasa Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.0 Pendahuluan

Kajian ini dijalankan dibawah tajuk kearifan perubatan tradisional dalam peribahasa Tamil. Kajian ini bertujuan untuk melihat dan mengetahui unsur perubatan tradisional seperti yang terkandung dalam peribahasa Tamil. Perbincangan dalam bab ini akan merumuskan hasil kajian secara keseluruhan berdasarkan objektif-objektif penyelidikan ini. Oleh yang demikian dapatan, jadual serta rajah yang dipernyatakan dalam bab 4 dirumuskan oleh pengkaji dalam bab ini. Bab ini juga akan menyenaraikan beberapa cadangan yang sesuai kepada pengkaji-pengkaji yang ingin menjalankan kajian berkaitan peribahasa secara lebih terperinci lagi pada masa hadapan. Kajian pengkaji juga akan memberi sedikit sebanyak pengetahuan berkenaan pemilihan bidang kajian baharu bagi pengkaji lain pada masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Dapatan Kajian Umum

Berdasarkan kajian dan analisis yang telah dikemukakan dalam bab-bab sebelumnya, kajian ini tertumpu kepada analisis berdasarkan 51 peribahasa Tamil berunsur perubatan tradisional masyarakat Tamil yang dipilih daripada buku berjudul *Paḻamoḻi Akarāti* (பழமொழி அகராதி). Pengkaji menjalankan kajian ini dengan hasrat mencapai ketiga-tiga objektif yang disebut dalam bab satu berpandukan enam aspek perubatan tradisional yang dikenal pasti melalui peribahasa Tamil.

5.1.1 Mengenal Pasti Aspek-Aspek Perubatan Tradisional Dalam Peribahasa Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah menjalankan kajian berdasarkan objektif pertama dalam bab 1 pengkaji berjaya mengagihkan peribahasa pilihan berdasarkan beberapa aspek yang dianggap penting. Penetapan aspek-aspek tersebut adalah berdasarkan keperluan dan kesesuaian kepenggunaan dalam kehidupan masyarakat Tamil terutamanya masyarakat Tamil Malaysia dalam bidang perubatan tradisional. Aspek-aspek kajian peribahasa Tamil berunsur perubatan tradisional ditunjukkan seperti dalam jadual 5.1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.1 .

Aspek Utama dan Elemen Sampingan Perubatan Dalam Peribahasa Tamil

Aspek Utama	***Elemen Sampingan***	***Bilangan Peribahasa***
Pengajaran atau pedoman hidup	Pemakanan	11
	Kesihatan	5
	Waktu	2
	Penilaian	1
Jenis Ubat	Kesihatan	6
	Halia Kering	3
	Herba & penawar	3
	Tenaga asas	2
Kesihatan tubuh badan	Kesihatan	5
	Jangka hayat	2
	Puasa	2
	Zuriat	1
	Zat makanan	1
Penyakit	Pemakanan	2
	Kesihatan	1
Psikologi	Kesihatan	2
Pembedahan	Pembedahan	2

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aspek pertama dalam peribahasa berunsur perubatan adalah pengajaran atau pedoman hidup. Perbincangan aspek ini adalah berdasarkan pada empat elemen penting yang terkandung dalam peribahasa-peribahasa Tamil berunsur perubatan iaitu pemakanan, kesihatan, waktu dan penilaian. Perbincangan seterusnya adalah berdasarkan elemen-elemen yang terkandung di bawah aspek pertama iaitu pengajaran atau pedoman hidup.

Makanan adalah sesuatu yang penting dalam kehidupan setiap insan. Oleh yang demikian pengkaji berjaya mengenal pasti sebanyak sepuluh peribahasa Tamil berasaskan elemen pemakanan. Melalui perbincangan berkenaan elemen ini didapati peribahasa tersebut memberikan pengajaran secara simbolik kepada pengguna dalam bentuk larangan serta nasihat pemakanan. Seterusnya elemen kedua terpenting di bawah aspek pertama ialah elemen kesihatan yang juga sangat penting. Elemen kesihatan memang memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat Tamil terutamanya masyarakat Tamil Malaysia. Peribahasa Tamil di bawah elemen ini menjamin kesejahteraan hidup masyarakat Tamil Malaysia.

Selain itu, terdapat dua lagi elemen yang dianggap perlu bagi masyarakat Tamil iaitu elemen waktu dan penilaian. Elemen waktu disini menerangkan waktu pengambilan ubat serta kesan jika tidak mengambil ubat oleh pesakit pada masa yang ditetapkan. Manakala elemen penilaian pula adalah penetapan kelayakan seorang yang ingin menjadi doktor perubatan tradisional dalam kalangan pendeta mahupun pengamal perubatan tradisional. Kedua-dua elemen ini kurang diberi keutamaan oleh masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aspek seterusnya ialah jenis ubat yang dijelaskan melalui peribahasa Tamil. Aspek ini dianggap penting kerana masyarakat yang menghidap penyakit pasti akan mencari ubat untuk mendapat penyelesaian sementara. Dalam keadaan terdesak masyarakat akan memilih ubat sama ada ubat tradisional mahupun moden. Daripada Aspek ini pengkaji telah mengenal pasti tiga elemen penting iaitu herba dan penawar, Kesihatan dan Tenaga asas. Perbincangan seterusnya adalah berdasarkan ketiga-tiga elemen ini.

Sebanyak enam peribahasa dibincangkan melalui elemen herba dan penawar. Elemen ini sememangnya sangat penting dalam perubatan tradisional kerana hampir semua ubat adalah berbentuk herba manakala herba tersebut dijadikan sebagai penawar kepada pelbagai penyakit. Elemen seterusnya merupakan satu elemen yang tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat Tamil terutamanya masyarakat Tamil di Malaysia iaitu elemen kesihatan. Sebanyak lima peribahasa di bincangkan di bawah elemen ini.

Akhir sekali elemen berkenaan tenaga asas juga dianggap penting kerana segala perubahan pada badan manusia adalah berdasrkan tiga tenaga utama iaitu *Vātam* (வாதம்), *Pittam* (பித்தம்), dan *Kapam* (கபம்). Ketiga-tiga tenaga ini seharusnya seimbang dalam badan manusia supaya kesihatan seseorang terjamin. Perbincangan ketiga-tiga elemen ini menunjukkan bahawa hampir semua peribahasa daripada aspek jenis ubat memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat Tamil Malaysia dan masih dipraktikkan elemen-elemen tersebut dalam kehidupan mereka. Selain dari itu, masyarakat Tamil Malaysia juga mempercayai unsur perubatan tradisional yang terkandung dalam peribahasa Tamil adalah relevan dengan keadaan semasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aspek kesihatan tubuh badan merupakan asas kepada kehidupan sejahtera masyarakat lebih-lebih lagi bagi masyarakat Tamil Malaysia kini. Masyarakat sememangnya inginkan kehidupan yang sihat. Maka setiap individu akan berusaha mencari jalan untuk mengekalkan kehidupan sejahtera. Bagi tujuan ini peribahasa Tamil berunsur perubatan boleh dijadikan sebagai pengajaran bagi kehidupan sejahtera. Terdapat banyak peribahasa Tamil yang memberi pengajaran berkaitan kehidupan sejahtera. Oleh yang demikian pengkaji telah memilih dan membincangkan sebanyak lima peribahasa berkaitan elemen kesihatan supaya memberi manfaat kepada generasi akan datang.

Begitu juga dengan, amalan pemakanan seseorang yang berfungsi sebagai ubat. Di samping itu, amalan berpuasa juga mempengaruhi jangka hayat seseorang. Oleh yang demikian, pengkaji telah memilih empat peribahasa merangkumi dua elemen iaitu elemen jangka hayat dan elemen berpuasa. Perbincangan peribahasa berkenaan kedua-dua elemen ini secara tidak langsung membuktikan bahawa seseorang itu boleh mengekalkan kehidupan yang sihat pada setiap masa.

Selain dari itu elemen zat makanan juga dianggap perlu bagi masyarakat Tamil zaman sekarang untuk mengekalkan kesihatan tubuh badan . Pernyataan ini terbukti melalui perbincangan pengkaji berdasarkan peribahasa Tamil. Pengkaji telah kenal pasti satu peribahasa berkenaan elemen ini dan membincangkan mengikut kesesuaian. Selain itu, pengkaji juga membincangkan elemen zuriat dibawah aspek kesihatan tubuh badan. Didapati satu peribahasa sahaja dibincangkan dalam bahagian ini menunjukkan masyarakat Tamil zaman dahulu mahupun zaman sekarang kurang menghadapi masalah ketiadaan zuriat. Sistem pemakanan dan cara hidup ideal yang dijelaskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melalui peribahasa Tamil menjadi asas bagi masyarakat Tamil mengekalkan kehidupan sihat.

Seterusnya perbincangan aspek penyakit pula melibatkan sebanyak tiga peribahasa dalam konteks dua elemen kecil. Iaitu pemakanan dan kesihatan. Elemen pemakanan melibatkan galakan pengambilan makanan demi menangani penyakit. Manakala elemen kesihatan pula melibatkan nasihat mengatasi masalah penyakit. Pernyataan ini menunjukkan peribahasa Tamil sentiasa memberi tujuk ajar kepada masyarakat Tamil mengatasi masalah penyakit.

Aspek seterusnya adalah aspek psikologi iaitu melibatkan pemikiran seseorang. Pengkaji telah kenal pasti dua peribahasa Tamil berunsur perubatan. Perbincangan kedua-dua peribahasa ini dilihat melalui elemen kesihatan dan keperluan asas (zat makanan). Pengambilan makanan yang berkhasiat akan menjamin kesejahteraan hidup seseorang. Pernyataan ini telah dibuktikan melalui perbincangan peribahasa Tamil oleh pengkaji. Pengajaran dari peribahasa seumpama ini dipercayai sangat berguna kepada masyarakat Tamil Malaysia.

Selain dari itu, aspek Pembedahan menjadi salah satu aspek yang jarang dipraktikkan oleh masyarakat Tamil zaman dahulu. Kerana pembedahan dilakukan terhadap wira yang terluka semasa peperangan. Tetapi bagi masyarakat Tamil zaman kini aspek Pembedahan yang melibatkan elemen pembedahan adalah sesuatu yang lumrah. Pengkaji telah mengkaji dua peribahasa di bawah elemen ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa kesemua aspek perubatan tradisional yang dikenal pasti melalui peribahasa Tamil adalah penting dan berguna kepada masyarakat Tamil Malaysia dan dianggap sebahagian daripada kehidupan masyarakat Tamil.

5.1.2 Menganalisis kearifan Perubatan Tradisional Masyarakat Tamil Dalam Peribahasa Tamil.

Bagi memenuhi objektif kedua dan ketiga bab satu iaitu menganalisis dan mengupas kearifan perubatan tradisional yang terdapat dalam peribahasa Tamil berdasarkan keperluan masyarakat Tamil Malaysia. Segala perbincangan dijalankan dengan pengupasan kearifan perubatan melalui puisi-puisi para pendeta zaman silam serta pandangan para cendekiawan zaman moden. Pengkaji mendapati kebanyakan peribahasa pilihan kajian adalah sesuai bagi kepenggunaan masyarakat Tamil Malaysia pada zaman kini.

Hasil penyelidikan berkenaan kandungan peribahasa Tamil berunsur perubatan tradisional adalah terbukti melalui beberapa puisi daripada karya klasik. Antaranya ialah *Tolkāppiyam, Tirukkuṟaḷ, Tirumantiram, Puṟanāṉūṟu, Akanāṉūṟu* dan sebagainya. Kesemua karya klasik ini dipercayai memiliki pelbagai formula perubatan tradisional yang terunggul. Penganalisisan serta pengupasan berkenaan peribahasa Tamil berunsur perubatan tradisional dibincangkan berdasarkan aspek yang telah ditetapkan oleh pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji telah membuat analisis serta kupasan berkenaan kearifan perubatan tradisional yang terdapat dalam peribahasa Tamil berdasarkan aspek pengajaran atau pedoman hidup. Didapati, pengkaji membincangkan aspek ini dengan merujuk pada beberapa puisi klasik yang mengandungi unsur perubatan.

Seterusnya, pengkaji telah menganalisis kearifan perubatan tradisional berdasarkan aspek jenis ubat. Dalam bahagian ini pengkaji telah menegaskan bahawa bahan herba dijadikan sebagai ubat utama oleh masyarakat zaman dahulu. Kini telah diikuti oleh masyarakat Tamil Malaysia kerana mempercayai herba tersebut boleh menyembuhkan penyakit berbahaya tanpa meninggalkan kesan sampingan.

Selain dari itu, pengkaji juga membuat analisis berkenan kearifan perubatan dari segi aspek kesihatan tubuh badan berdasarkan pernyataan daripada buku-buku ilmiah. Kesihatan tubuh badan disebut sebagai asas bagi mengelakkan diri seseorang daripada menghidap sebarang penyakit dan menjamin sejahteraan hidup individu.

Perbincangan kearifan seterusnya melibatkan aspek penyakit, aspek psikologi dan aspek Pembedahan. Ketiga-tiga aspek ini kurang mendapat perhatian daripada masyarakat zaman dahulu. Tetapi masyarakat zaman sekarang memandang serius terhadap aspek-aspek ini kerana zaman moden membuka jalan kepada pelbagai masalah berkaitan ketiga-tiga aspek ini.

Kesimpulannya, didapati peribahasa Tamil merupakan satu hasil sastera lisan yang semakin pupus daripada pengetahuan masyarakat Tamil kerana mereka memberikan keutamaan terhadap sastera tulisan. Oleh kerana ini, terdapat banyak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

buku-buku peribahasa di pasaran. Menyedari keunikan dan kepentingan peribahasa Tamil maka ada pihak berusaha menterjemahkannya dalam pelbagai bahasa terutamanya bahasa Inggeris. Usaha ini akan memperkenalkan kelebihan dan kepentingan peribahasa Tamil di peringkat universal. Sebagai warga Tamil harus berasa bangga kerana memiliki satu karya yang bernilai.

5.2 Perbincangan

Secara ringkasnya, apabila melihat pada keadaan masyarakat Tamil zaman sekarang, didapati bahawa penggunaan peribahasa telah semakin berkurangan terutamanya dalam kalangan generasi muda apatah lagi dalam kalangan murid sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Mereka telah terikut-ikut dengan arus pemodenan serta pengaruh alat komunikasi yang lain seperti radio, televisyen, laptop, talipon bimbit dan sebagainya. Penggunaan Bahasa asing juga menyumbang kepada fenomena ini. Oleh yang demikian pengkaji menjankan kajian ini dengan harapan generasi muda akan mempelajari atau mengimbas kembali peribahasa Tamil serta memahami budaya, pemikiran dan kebijaksanaan para cendekiawan dan golongan cerdik pandai yang mewujudkan peribahasa pada zaman dahulu. Penghargaan melalui penghayatan penggunaan peribahasa dalam kehidupan harian mereka serta menghidupkan kembali penggunaan peribahasa sejak berkurun lamanya juga merupakan tujuan kajian ini.

Pembelajaran peribahasa berkait rapat dengan kehidupan masyarakat Tamil Malaysia kini. Hampir kesemua peribahasa memberi pengajaran yang bernilai bagi memurnikan kehidupan seseorang walaupun berlainan Bahasa. Seperti yang dikatakan oleh Azura Bt. Abdul Aziz (2007), peribahasa melayu membina modal insan sejajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan pembentukan institusi kekeluargaan. Manakala Thalatha Zaiton (2005) pula membincangkan bahawa peribahasa yang penuh dengan nilai-nilai murni membantu mengembalikan pelajar sekolah menengah yang terlencong kembali kepada etika hidup sebenar. Kedua-dua kajian ini membincangkan kepentingan pembelajaran peribahasa oleh pelajar dari segi nilai. Namun demikian, pengkaji pula menekankan pembelajaran peribahasa Tamil dari persepsi kandungan unsur perubatan tradisional yang kurang mendapat perhatian daripada generasi muda supaya berpeluang mempelajarinya.

Di samping itu, peribahasa sememangnya membincangkan satu bidang yang amat luas dengan kandungan pelbagai aspek. Maka Saktivel. S, (2004) telah menjalankan satu kajian peribahasa yang merangkumi hampir semua bidang kajian seperti sejarah kewujudan peribahasa, pendidikan, perniagaan, perkahwinan, politik, sosial dan sebagainya. Kajian beliau adalah kajian umum. Manakala kajian pengkaji pula khusus kerana perbincangannya hanya merangkumi unsur perubatan tradisional dalam peribahasa Tamil.

Seterusnya, pengetahuan perubatan tradisional adalah sesuatu yang perlu diketahui oleh masyarakat Tamil zaman moden. Namun demikian, tidak ramai yang menunjukkan minat terhadap pembelajaran bidang perubatan tradisional. Akan tetapi pembelajaran perubatan tradisional melalui kesusasteraan Tamil akan menarik minat generasi muda untuk mempelajarinya. Seperti yang disebut oleh Kovintharaj. S, (2009) bahawa masyarakat perlu sedar akan kelebihan dan keunikan perubatan tradisional yang menjamin kesihatan masyarakat Tamil sepanjang hayat. Kandungan pengajaran dalam peribahasa adalah sesuai bagi semua peringkat usia dan pangkat seseorang. Di dapati kajian semasa juga melibatkan bidang kesusateraan kerana peribahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikategorikan sebagai sebahagian daripada komponen kesusasteraan maka kajian pengkaji juga membincangkan tentang perubatan tradisional, tetapi dalam peribahasa Tamil khasnya.

Perubatan melalui peribahasa Tamil merupakan satu topik kajian yang jarang diperbincangkan oleh para pengkaji. Namun demikian Perumal. V, (1987) telah menjalankan satu kajian bertajuk sumbangan peribahasa Tamil terhadap bidang sains perubatan. Didapati kajian beliau lebih kepada aspek penyakit secara menyeluruh. Beliau menjelaskan bidang-bidang perubatan yang boleh dilihat dalam sains perubatan berdasarkan peribahasa Tamil. Manakala pengkaji dalam kajian semasa pula membincangkan kearifan perubatan tradisional masyarakat Tamil dalam peribahasa Tamil. Persamaan di antara kedua-dua kajian ini ialah penggunaan bahan kajian utama iaitu peribahasa Tamil. Manakala perbezaannya ialah, Perumal. V, telah membincangkan jenis-jenis penyakit dalam bidang sains perubatan secara menyeluruh. Manakala pengkaji pula membincangkan unsur perubatan tradisional melalui peribahasa Tamil berdasarkan beberapa aspek khusus.

Meneliti kajian-kajian tadi, menjelaskan bahawa, tidak ada kajian yang sama dengan kajian pengkaji. Kajian peribahasa menggunakan bahan kajian yang sama tetapi berlainan bahasa dan bidang. Manakala pemilihan topik kajian adalah berbeza yang merangkumi skop yang berlainan dengan kajian semasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Cadangan Kajian Selanjutnya

Sebagai penghias bicara akhir, peribahasa Tamil sememangnya dianggap sebagai sastera lisan yang terunggul dikalangan masyarakat Tamil. Oleh yang demikian, pengkaji ingin memberi beberapa cadangan berkaitan kajian sendiri. Cadangan pengkaji merujuk kepada tiga pihak utama iaitu, para remaja di Malaysia, kementerian Pendidikan Malaysia dan para siswa-siswi yang menuntut di institusi pengajian tinggi Malaysia. Cadangan-cadangan tersebut adalah seperti berikut:

5.3.1 Cadangan Kepada Para Remaja Malaysia

Terdapat banyak pengajaran relevan dan petua yang berguna dalam peribahasa Tamil. Khas untuk generasi muda. Tambahan pula, merangkumi pelbagai bidang dan kandungan yang harus diketahui umum terutamanya oleh para remaja Tamil di Malaysia. Oleh yang demikian, pengkaji berharap agar kajian yang dihasilkannya dapat memberi manfaat kepada remaja Tamil di Malaysia khususnya dalam bidang perubatan tradisional dan dijadikan panduan hidup sejahtera. Hampir kesemua aspek perubatan dalam kajian ini boleh dikatakan sebagai aspek yang penting dan perlu bagi generasi muda. Peribahasa dianggap mempunyai kata-kata hikmah yang sesuai pada setiap masa dan keadaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.2 Cadangan Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia

Pengkaji mencadangkan kepada pihak berkuasa supaya menyelitkan peribahasa berunsur perubatan dalam sukatan pelajaran Bahasa Tamil di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Bagi pelajar-pelajar sekolah menengah perlu menegaskan atau mewajibkan pembelajaran peribahasa berunsur perubatan tradisional. Maka dengan cara ini, secara tidak langsung peribahasa berunsur perubatan akan mendapat perhatian daripada pelajar sekolah menengah dan memberi hidup baru pada masa akan datang.

5.3.3 Cadangan Kepada Para Siswa-Siswi

Pendek kata, pengkaji ingin mencadangkan kepada generasi muda supaya berusaha untuk menjalankan kajian berkenaan peribahasa Tamil merangkumi bidang-bidang lain selain bidang perubatan tradisional. Kajian ini juga diharapkan supaya dijadikan sebagai panduan asas oleh para siswa siswi muda pada masa akan datang, serta memberi gambaran yang jelas dan realistik tentang perubatan tradisional. Sehubungan dengan ini, kajian ini diharap akan menjadi pembuka tirai untuk kajian-kajian selanjutnya berkenaan peribahasa Tamil pada masa akan datang.

5.4 Rumusan

Kesimpulannya, didapati aspek-aspek yang terkandung dalam peribahasa Tamil berunsur perubatan tradisional boleh dilihat dalam kehidupan harian masyarakat Tamil zaman ini. Namun terdapat beberapa unsur perubatan daripada peribahasa Tamil kurang mendapat perhatian daripada masyarakat Tamil Malaysia kerana kesulitan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memperolehi herba yang dinyatakan dalam peribahasa tersebut. Walau bagaimanapun masyarakat Tamil Malaysia seharusnya mencari jalan lain untuk mengatasi masalah ketiadaan bahan herba tersebut kerana bahan tersebut boleh dicari di sekeliling dan juga di kedai-kedai menjual bahan ubat tradisional.

Seperti kata orang tua-tua, peribahasa *Kaiyil veṇṇey irukka, neykku alaivāṉēṉ?* (Anavarathanayakam Pillai, 1998:190). கையில் வெண்ணெய் இருக்க நெய்க்கு அலைவானேன்?, *ஒருவனிடம் நல்ல திறமையிருப்பின், அவன் ஏன் பிறரிடம் கையேந்தி நிற்க வேண்டும்?* (Oruvaṉiṭam nalla tiṟamaiyiruppiṉ, avaṉ ēṉ piṟariṭam kaiyēnti niṟka vēṇṭum? *Tamilpriyan, 2012:55).* Membawa pengertian bahawa, seseorang telahpun memiliki suatu benda yang bernilai, namun mencari-cari di luar. Dengan erti kata lain, seseorang itu tidak mengenali nilai barang pada tangan sendiri tetapi mengharapkan sesuatu dalam kadar yang berlebihan.

Memandangkan peribahasa Tamil mengandungi pengajaran perubatan tradisional yang terunggul dan memiliki pedoman yang agak lama namun, masyarakat Tamil boleh mengubahsuai mengikut keadaan semasa dan mengaplikasinya dalam kehidupan harian. Diharap amalan perubatan tradisional yang diterangkan oleh pengkaji melalui peribahasa Tamil akan kekal, utuh dan berfaedah kepada masyarakat Tamil pada setiap masa dalam kehidupan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Abdul Aziz Abdul Rahman. (2016). *Kamus Peribahasa*. Shah Alam: Pan Asia Publications Sdn. Bhd.

Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). *Pengkategorian Peribahasa Melayu Berdasarkan Aspek Nilai dan Pemikiran: Satu Analisis Pragmatik*. Tesis Doktor Falsafah, Seri Kembangan: Universiti Putra Malaysia.

Ahmad Fuad Mat Hassan. (2016). *Warisan budaya pemikiran dalam konteks sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik masyarakat Melayu melalui peribahasa Melayu.* Jurnal Peradaban. Kedah: Universiti Utara Malaysia. Jilid 9,1-10.

Alwi Salim. (1983). *Peribahasa Bidalan Pepatah dan Perumpamaan*. Shah Alam: Penerbit Fajar bakti.

Anandai, S. (2010*). Institusi perkahwinan, keluarga dan pendidikan dalam masyarakat Tamil berdasarkan perspektif peribahasa Tamil.* Tesis Sarjana, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Anavarathanayakam Pillai. (1998). *Palamoli agarati.* Chennai: Amutha Nilayam Limited.

Arangkanathan, S. (2005). *Citta maruttuva nurpatippukaḷ 1850-1950*. Tesis Doktor Falsafah, Tanjavur: Tamil Universiti.

Arni Johan. (2014). *Pembelajaran Peribahasa dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. Sessi Dialog. Perkongsian Profesional Bagi Guru-Guru Permulaan.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Azura Abdul Aziz. (2007). *Nilai Peribahasa Membina Modal Insan.* Tesis Sarjana. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Chidambaranar. (4th ed.). (2015). *Sittargal Kanda Vinnyanam-Thathuvam.* Chennai: Naam Thamilar Pathippagam.

Chua, Y.P. (2014). *Kaedah Penyelidikan.* Edisi Ketiga. Kuala Lumpur.

Clara. (2004). *Tancavur mavatta palamolikal oru ayvu*. Tesis Doktor Falsafah, Tanjavur: Tamil Universiti.

Culler, J. D. (2000). *Literary theory: A very short introduction*. Oxford: Oxford University Press.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

David Forgacs. (1988). *Teori Kesusasteraan marxis: teori Kesusasteraan Moden.* Terjemahan Mokhtar Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Farhana Yusuf. (2018). *Siri Jurnal Penyakit yang membunuh manusia.* Selangor: Pustaka Lestari. ISBN 978-967-0676-36-4.

Fialkova, L. (2010). *Proverbs and medicine: The problem of applied folklore*. doi: 10.7592/FEJF:46.

Govintharaaj, S. (2009). *Tamil ilakkiyattil citta maruttuvam.* Tesis Doktor Falsafah, Tanjavur: Tamil Universiti.

Hasmidar Hassan. (2016). *Penginterprestasian Peribahasa dan Hubungannya dengan Kemahiran Berfikir*. Jurnal Bahasa. Penang: Universiti Sains Malaysia. Jilid 16 Bil.1

Jegajoothi. (2016). *Ancaraaip petti maruttuvam*. Chennai: Clasik Publication.

Jekatican, M. (2017). *Nitikkataikalin vali manavarkalitaiye palamoliyaip porularintu payanpatuttum arralai mempatuttutal*. Kuala Lumpur: Persidangan Antarabangsa (ICLLS).

Jensen, H. (1988). *A Dictionary of Tamil Proverbs.* New Delhi: Mittal Publications.

Jensen, H. (2013). *A Classical Collection of Tamil Proverbs*. ISBN-13: 9781138862180.

Joseph, N. (2001). *Potu makkalukkana maruttuva nulkal or ayvu.* Tesis Sarjana, Chitambaram: Universiti Annamalai.

Kamus Dewan. (2015). Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kannammal Srithar. *Pazhamolikalum Vilakkangalum.* (2016). Chennai: RR Nilayam.

Kanniyappa Naicker. (5th ed.). (2011). *Thirukkural Uraikkalanchiyam.* Chennai: Thiruvarasu Pusthaka Nilayam.

Kesava Sharma, T.S. (2015). *Pazhamolikalum Vilakkangalum.* Chennai: Suraa Pathippagam.

Komalavani Sugumar. (2009). *Maleciyat Tamilarkalitaiye Palamoliyin Takkam: Or ayvu.* Tesis Sarjana, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Kothandam, K.M. (2015). *Namaku Namey Nalla Maruthuvar*. Chennai: Munntrappathipagam.

Kriyavin Tatkala Akarathy. (4th ed.). (2008). Chennai: Cre-A.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kumar, D. (1992). *The Chinese Connection of Tamil Medicine. Ancient Science of Life*. Vol. 11(3-4), 114-117. Ancient Science of Life.

